



PEMANTAUAN MEDIA SOSIAL PADA PILIHAN RAYA UMUM MALAYSIA KE-15



Sebuah projek kerjasama dengan Universiti Nottingham Malaysia,
Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah



University of
Nottingham
UK | CHINA | MALAYSIA



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Mac 2023

FREEDOM OF SPEECH
FREEDOM OF SPEECH
FREEDOM OF SPEECH
FREEDOM OF SPEECH
FREEDOM OF SPEECH

Diterbitkan oleh:

Pusat Kewartawanan Bebas Malaysia

L13A-1, Menara Sentral Vista

150, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields

50470 Kuala Lumpur

Malaysia

Emel: cijmalaysia@gmail.com

Laman Web: <https://cijmalaysia.net>

Facebook: <https://www.facebook.com/CIJ.MY>

Twitter: https://twitter.com/CIJ_Malaysia

Instagram: https://www.instagram.com/cij_malaysia

YouTube: <https://www.youtube.com/cijmalaysia>

Pusat Kewartawanan Bebas (CIJ) merupakan sebuah pergerakan feminis, pemerhati kebebasan bersuara dan pertubuhan bukan keuntungan yang mengimpikan sebuah masyarakat demokratik adil dan bebas di mana semua rakyat dapat menikmati kebebasan media dan juga kebebasan mencari, menyampaikan dan meluahkan pendapat.

Diterbitkan di Kuala Lumpur pada Mac 2023

Pemantauan Media Sosial pada Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15



Penulis dan Penyumbang

Masjaliza Hamzah

Wathshlah Naidu

Lee Shook Fong

Dineshwara Naidu

Daranee Balachandar

Pakar/Editor

Gayathry Venkiteswaran

Professor Zaharom Nain

Dr Ngo Sheau Shi

Dr Mahyuddin Ahmad

Wang Lay Kim

Dr Lee Kuok Tiung

Dr Latif Lai Che Ching

Editor Naskhah

Jacqueline Ann Surin

Izmil Amri Ismail

Penterjemah

Amaluddin Zhafir

Susun Atur dan Reka Bentuk

Joelle Majanil

Hak Cipta Terpelihara © 2023 Pusat Kewartawanan Bebas. Laporan ini tidak boleh disalin atau dicetak secara keseluruhan atau sebahagian dengan apa-apa cara tanpa persetujuan bertulis daripada CIJ terlebih dahulu. Beberapa gambar dalam laporan ini mungkin mempunyai hak cipta atau hak milik pihak lain. Pengakuan hak cipta atau sumber tersebut telah diberikan, dalam kes sedemikian.

PENGAKUAN

Kami ingin berterima kasih kepada individu dan organisasi atas sumbangan penting mereka terhadap pemantauan dan analisis:

Pakar

Universiti Sains Malaysia: Dr Ngo Sheau Shi, Dr Mahyuddin Ahmad, Wang Lay Kim

University of Nottingham Malaysia: Gayathry Venkiteswaran, Professor Zaharom Nain

Universiti Malaysia Sabah: Dr Lee Kuok Tiung, Dr Latif Lai Che Ching

Pemantau

Pemantau Rintis:

24 pemantau daripada Universiti Sains Malaysia dan Universiti Nottingham, Malaysia

Pemantau PRU15:

54 pemantau daripada Universiti Sains Malaysia, Universiti Nottingham, Malaysia dan orang awam

Rakan Kongsi Tindak Balas Pantas

Architects of Diversity, Asylum Access Malaysia, Beyond Borders, Justice for Sisters, KRYSS Network, North South Initiative, Pusat Komas, Sahabat Wanita, Sisters in Islam and Tenaganita

Sokongan

National Democratic Institute

Sokongan Teknikal

Zanroo Malaysia Sdn. Bhd. (1092951-H)

PENAFIAN

Penemuan dan kesimpulan dibentangkan dalam laporan ini adalah berdasarkan data dan maklumat terhad yang tersedia pada masa pemantauan, dijalankan semasa tempoh kempen Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15. Laporan ini tidak boleh ditafsirkan sebagai mewakili populasi yang lebih besar atau untuk membuat tuntutan umum. Pemantauan ini dijalankan dengan saiz sampel terhad dan jumlah pemantau manusia yang juga dengan capaian dan/atau kapasiti terhad. Oleh itu, keputusan pemantauan mungkin tidak boleh digunakan untuk populasi atau konteks yang lebih luas. Maka, perlu berhati-hati dalam mentafsir dan menggunakan penemuan laporan ini yang melebihi parameter khusus garis panduan pemantauan dan bidang yang menjadi perhatian. Pengarang laporan ini tidak bertanggungjawab dengan sebarang kesilapan, kelalaian atau salah tafsir yang mungkin timbul disebabkan oleh pengehadan.

ISI KANDUNGAN

Ringkasan Eksekutif	vii
1. Pengenalan	1
2. Rangka Kerja Pemantauan	6
2.1 Takrifan ucapan benci untuk projek pemantauan	7
2.2 Peraturan bagi mengenal pasti isu, individu dan platform	8
3. Metodologi	11
3.1 Kaedah	12
3.2 Pengumpulan data	12
4. Analisis Pemantauan	14
4.1 Sorotan keseluruhan	14
4.2 Analisis berdasarkan isu	21
• Kaum	21
• Agama	25
• Institusi diraja	28
• Jantina dan LGBTIQ	30
• Warga asing	34
4.3 Tingkah Laku Tidak Tulen Terselaras (CIB)	38
4.4 Analisis platform media sosial	41
5. Cadangan	45
Lampiran I	49

Ringkasan Eksekutif

Selepas pilihan raya bersejarah 2018, Malaysia dikejutkan dengan ketidaktentuan politik pada awal 2020 susulan pembelotan beberapa kerat ahli parlimen (MP) kerajaan. Ia menjadi punca kepada pertukaran tiga perdana menteri berturut-turut yang memimpin tiga kerajaan selepas pilihan raya umum ke-14 tersebut. Berikutan ketidakstabilan politik, Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) menjadi pertaruhan tinggi dengan media sosial menjadi ruang utama buat ahli politik dan penentu kuasa.

Media sosial merupakan ruang popular rakyat Malaysia untuk berinteraksi. Sejak pilihan raya 2008, parti politik dan penyokong mereka beralih kepada media sosial untuk mendekati warganet. Sejak itu, ia menjadi ruang penting bagi membentuk wacana politik, dengan para ahli politik serta pemimpin lain melangkaui media arus perdana dan dalam talian untuk memuat naik komen dan kenyataan secara terus dalam pelbagai platform.

Menjelang pilihan raya sebelum ini, pengguna dalam talian menggunakan bahasa yang memecahbelahkan selain naratif berasaskan kebencian berkait kaum, agama dan institusi diraja, yang lebih dikenali sebagai 3R. PRU15 dijangka tidak berbeza. Ia berikutnya beberapa isu yang menjadikan media sosial sebagai ruang penting membentuk wacana politik, termasuk mempromosikan kebencian dan retorik toksik. Salah satunya ialah ketidaktentuan politik sejak lima tahun lepas. Ini bermaksud PRU15 berdepan pertaruhan yang tinggi. Selain itu adanya pendaftaran pengundi automatik untuk pengundi berusia 18 tahun ke atas. Ini membawa maksud terdapat 1.4 juta pengundi¹ berusia antara 18 hingga 20, yang corak pengundiannya tidak diketahui namun penggunaan media sosial mereka didokumentasikan dengan baik.

Justeru, Pusat Kewartawanan Bebas (CIJ), dengan kerjasama Universiti Nottingham Malaysia (UNM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaysia Sabah memutuskan untuk menjalankan projek pemantauan media sosial sebelum, semasa dan selepas PRU15.

Objektif utama pemantauan ini bagi mengenal pasti tahap ucapan benci dan mendedahkan sumber serta corak hantaran berunsur benci dan toksik di media sosial, khususnya di Facebook, Twitter, YouTube dan TikTok. Walaupun ahli politik sendiri mungkin bukan pencetus hantaran bersifat kebencian atau maklumat salah, mereka tidak mengekang atau mengecam pengikut yang membalas dengan ucapan kebencian dan maklumat salah tersebut. Bagi sesetengah ahli politik, penggunaan istilah berulang yang merendahkan lawan mereka menunjukkan mereka sedar akan corak tingkah laku ini dan jenis tindak balas yang dihasilkan.

Pemantauan mendapati tahap ucapan kebencian² yang dimuat naik oleh pelaku seperti ahli politik, parti politik, agensi kerajaan, organisasi media, dan pemimpin pendapat utama (KOL) di sekitar beberapa topik. Ia meliputi 3R, jantina serta lesbian, gay, biseksual, transgender, interseks dan aneh (LGBTIQ), selain warga asing. Pemantauan juga mengenal pasti potensi Tingkah Laku Tidak Tulen Terselaras (CIB) seperti bot dan laskar siber.

CIJ membangunkan skala parah di mana ia mengkategorikan tahap ucapan kebencian seperti berikut: Tahap 1 salah faham / tidak singgung perasaan; Tahap 2 singgung perasaan / diskriminasi; Tahap 3 tidak berperikemanusiaan / bermusuhan; dan Tahap 4 hasut / seru-

¹ <https://www.nst.com.my/news/politics/2022/11/848134/ge15-young-voters-cast-kingmakers>

² *Takrifan ucapan benci Perkara 19: Sebarang ungkapan diskriminasi dan sokongan kebencian terhadap individu atau kumpulan berdasarkan ciri-ciri khusus yang dilindungi. Ungkapan, pendapat atau idea kebencian ini boleh terjadi dalam bentuk tulisan, bukan lisan, visual, artistik atau dalam bentuk lain, dan disebarluaskan melalui mana-mana media, termasuk internet, cetakan, radio atau televisyen.*

an bertindak (kekerasan). Pasukan kami menyesuaikan ambang Pelan Tindakan Rabat mengenai larangan menghasut peringkat kebangsaan, kaum atau agama, meliputi hasutan yang menghala kepada diskriminasi, permusuhan atau keganasan³ selain menggunakan rangka kerja 3M⁴ yakni Pengirim, Mesej dan Pemesejan (Messenger, Message dan Messaging) bagi menganalisis tahap ucapan kebencian.

Media sosial kemudiannya dilombong menggunakan alat automatik tersuai yang mengikis data pada akaun sasaran, menggunakan gabungan 544 kata kunci dan pemberian aksara. “Pemantau” manusia terlatih CIJ kemudiannya menyemak, mengkategorikan dan menandakan data.

CIJ menjalankan kajian rintis bermula 16 Ogos hingga 30 September 2022 bagi menguji alat dan menyemak data sebagai persediaan untuk digunakan semasa PRU15. Selepas Parlimen dibubarkan pada 10 Oktober 2022, pemantauan terakhir dijalankan antara 20 Oktober hingga 26 November.

Penemuan utama termasuklah:

1. Presiden PAS Abdul Hadi Awang dan partinya paling lantang membangkitkan semangat kaum. Sebagai contoh, hantaran di TikTok Hadi, yang mendakwa DAP cuma menggunakan calon Melayu untuk menarik undi, mendapat 2.5 juta keterlibatan⁵ di TikTok, tertinggi antara semua platform media sosial. Hantaran mengenai kaum juga didapati mengundang maklumat salah. Selanjutnya, selepas hari pilihan raya, kandungan dicipta pengguna muda di TikTok bagi menimbulkan ketakutan menjadi tular sebelum mendapat sambutan tinggi merentasi pelbagai platform. Kandungan tentang kaum sering berkait dengan agama.
2. Pemantauan mendapati peralihan fokus di mana naratif agama menjadi alat pemisah dan polarisasi utama, kerana ia jelas melibatkan kaum selain menjadi asas kepada serangan terhadap golongan LGBTIQ. Terdapat sambutan yang tinggi merentasi pelbagai platform, termasuk melalui hantaran oleh KOL dan pempengaruh lain. Salah satunya, penyanyi terkenal Jamal Abdillah menyeru pengundi menolak DAP yang jika diundi menjadi kerajaan, kononnya akan menyekat azan dan sekolah tafhib. Malah, pelakon Zul Huzaimy Marzuki secara terang-terangan meluahkan hasrat untuk “menyembelih kafir harbi” namun tidak dapat dilaksanakannya kerana kekangan undang-undang.
3. Warga asing di media sosial tidak menjadi sebahagian daripada sebarang kempen politik yang diselaraskan. Bagaimanapun, ia berada pada kedudukan tertinggi untuk tahap parah iaitu pada Tahap 4. Hantaran tentang kedua-dua komuniti ini mengandungi saranan jelas yang menyeru kepada kecederaan fizikal, kerosakan atau kematian. Sifat tidak berperikemanusiaan terhadap kedua-dua kumpulan terpinggir ini bertambah buruk apabila Jabatan Imigresen meminta pengguna media sosial membuat aduan dan kongsikan maklumat mengenai orang yang disyaki tiada dokumen. Namun, diperhatikan serangan terhadap warga asing di media sosial konsisten dan sebenarnya berterusan selepas pilihan raya⁶.

³ Pelan Tindakan Rabat mengenai larangan advokasi kebencian negara, kaum atau agama yang menimbulkan hasutan kepada diskriminasi, permusuhan atau keganasan, 11 Januari 2013, A/HRC/22/17/Add.4

⁴ Diguna pakai dalam “Monitoring of Media Coverage of Elections: Toolkit for civil society organisations” oleh Council of Europe pada November 2020. 3M merujuk kepada Messenger, Message dan Messaging. Pengirim ialah pelaku (sumber maklumat, contohnya, parti politik dan/atau pemimpin, saluran media, atau pempengaruh) yang menyebarkan Mesej (topik dan naratif. Pemesejan merujuk kepada bagaimana mesej dikirim.

⁵ Kiraan keterlibatan termasuk, ‘views’, ‘likes’, ‘shares’ dan ‘comments’ di platform media sosial.

⁶ Geng IC Merah jadi duri dalam daging bawa masuk PATI

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/15/pemastautin-tetap-jadi-duri-seludup-pati/>

4. Sebaliknya, ucapan kebencian terhadap komuniti LGBTIQ jelas merupakan alat politik, di mana ia sering dikaitkan dengan istilah “liberal” dan “anti-Islam”, malah sebahagian besarnya digunakan untuk memburukkan Pakatan Harapan (PH), Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Anwar Ibrahim. Pada masa sama, perlakuan menyindir tubuh (body shaming) dan langkah menjaga kesopanan ditujukan kepada wanita dari seluruh spektrum politik.

5. Hantaran berkait institusi diraja, yang rendah dalam kebanyakan tempoh pemantauan, meningkat selepas hari pengundian apabila institusi tersebut menjadi pemain utama menentukan kerajaan baharu. Kebanyakan hantaran berkaitan diraja bukanlah serangan terhadap institusi diraja tetapi terhadap pelaku lain. Satu contoh, serangan terhadap Muhyiddin Yassin kerana “tidak setia” kepada Yang di-Pertuan Agong dalam menolak perkenan untuk membentuk kerajaan perpaduan.

6. Sistem automatik dan pemantau mengenal pasti CIB dalam tempoh pemantauan. Namun begitu, ia tidak memberi sebarang kesan ketara dalam membentuk naratif tentang isu yang dipantau. Komen dijana pengguna (UGC) daripada pengguna media sosial biasa adalah pemberi kesan terbesar.

Pemantauan telah mencetuskan minat dan perdebatan mengenai peranan negara dalam memerangi ucapan kebencian di media sosial. Kandungan TikTok ringkas dan tidak tepat, tetapi tular, contohnya video berkait tragedi 13 Mei 1969 selepas PRU15 atau video Hadi yang menuduh DAP menggunakan calon Melayu turut membangkitkan persoalan ketelusan media sosial khususnya berkaitan standard dan proses yang mereka lakukan dalam menerima pakai kandungan. Terdapat keperluan kritikal untuk mempersoalkan penggunaan media sosial sebagai alat utama wacana politik dan mencorakkan pilihan raya selain apakah piawaian dan langkah selanjutnya untuk maju ke hadapan dalam persekitaran yang dipacu teknologi ini.



PEMANTAUAN MEDIA SOSIAL PADA PILIHAN RAYA UMUM MALAYSIA KE-15



1 | PENGENALAN

1. PENGENALAN

Selepas kerajaan PH tumbang pada awal 2020 berikutan pembelotan beberapa MP, Malaysia berdepan dengan ketidaktentuan politik selama tiga tahun. Menjelang Mac 2020, Muhyiddin Yassin daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dilantik sebagai perdana menteri baharu. Beliau mengetuai gabungan yang dinamakan sebagai Perikatan Nasional (PN). Gabungan ini meliputi United Malays National Organisation (Umno) yang penuh skandal rasuah, dan parti Islam berhaluan kanan, Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Tidak lama kemudian kerajaan Muhyiddin jatuh dan Ismail Sabri dilantik sebagai perdana menteri pada Ogos 2021. Ini mengangkat semula Umno ke tumpuk kuasa. Sepanjang pergolakan politik ini, Malaysia juga berhadapan dengan pandemik COVID-19.

Ketika itu, negara juga berdepan dengan kemunduran dari segi kebebasan bersuara dan integriti maklumat, dengan peningkatan undang-undang yang menindas, menakut-nakutkan dan membisukan suara-suara lantang. Pada Januari 2021, kerajaan menggantung Parlimen dan mengisyitiharkan darurat seluruh negara. Ia kemudian menggubal undang-undang zalim yang membawa hukuman denda sehingga RM100,000 dan penjara sehingga tiga tahun, kononnya untuk memerangi berita palsu.

Di persada dunia, Malaysia berjaya dipilih sebagai ahli Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHRC). Namun di dalam negara sendiri, kerajaan terus sewenang-wenangnya menggunakan undang-undang seperti Akta Hasutan dan Akta Komunikasi dan Multimedia (CMA) untuk menangkap dan menyiasat pengkritik serta penentang, termasuk warganet yang kritis. Siasatan terhadap aktivis hak asasi manusia dan media juga dipergiatkan dalam tempoh ini. Aktivis sering disiasat dan didakwa kerana bersuara dan bertindak menentang pencabulan hak asasi manusia.

Sementara itu, pentadbiran Ismail Sabri dan gabungan pembangkang dikepalai PH menandatangi memorandum persefahaman (MoU), menjanjikan reformasi Parlimen dan pilihan raya sebagai balasan untuk menyokong belanjawan kerajaan. Pada masa sama, Umno dan ahli parti gabungannya mendapat kejayaan memberangsangkan pada pilihan raya negeri Melaka dan Johor, masing-masing pada 2021 dan 2022. Ini kemudiannya membuatkan Umno/Barisan Nasional (BN) bertambah bersemangat untuk berkuasa. Dengan latar belakang ini, PRU15 telah dijangka menjadi satu titik perubahan.

Berdasarkan apa yang terjadi sebelum ini, PRU15 dijangka didahului dengan usaha bersepakut untuk menyebarkan bahasa yang memecahbelahkan dan naratif kebencian berdasarkan agenda politik tertentu. Naratif ini berasaskan 3R dan kebanyakannya menyasarkan komuniti berisiko tertentu. Keadaan dijangka menjadi lebih teruk dengan kurangnya ketelusan kerajaan selain menafikan rakyat akses kepada maklumat, yang mewujudkan persekitaran kondusif kepada rasuah dan pelanggaran hak.

Dalam iklim ini, ekosistem maklumat yang kukuh penting bagi memastikan kerajaan bertanggungjawab dan untuk rakyat mengkritik kerajaan secara terbuka selain mendedahkan salah laku. Bagaimanapun, landskap maklumat dan media semasa sangat dipolitikkan dan sering digunakan kerajaan yang memerintah. Malah, banyak kumpulan politik yang berhasrat meluaskan propaganda masing-masing. Selanjutnya, media berada di bawah sangkar digital berikutan platform media sosial menjadi sumber maklumat utama.

Pada masa sama, kemajuan pesat infrastruktur dan kesedaran digital telah mewujudkan ruang yang lebih luas untuk keterlibatan serta penyebaran yang lebih luas. Selain itu, terdapat juga potensi untuk jurang digital yang lebih luas dan kemunculan ancaman baharu. Ini termasuk percambahan maklumat salah, naratif negatif dan ucapan kebencian; peningkatan dalam

pengawasan digital; pelanggaran privasi; kejuruteraan data; keganasan berdasarkan jantina dalam talian; kemunculan laskar siber; dan manipulasi algoritma yang menimbulkan ruang gema; dan buli dalam talian. Ancaman ini mempercepatkan perpecahan dalam masyarakat serta ketidakstabilan politik, dan dianggarkan sangat mempengaruhi warganet dan pengundi menjelang dan semasa PRU15.

Rangka kerja undang-undang terhadap ucapan kebencian

Salah satu objektif utama projek ini adalah mengenal pasti ucapan kebencian di media sosial, termasuk sumber dan tahap parahnya semasa tempoh pemantauan. Di mana sesuai, respons daripada masyarakat civil akan dihasilkan. Ini selaras dengan mandat CIJ untuk menggalakkan kebebasan bersuara mengikut rangka kerja hak asasi manusia yang normatif selain untuk menjadikan negara bertanggungjawab dalam menyediakan persekitaran yang kondusif untuk kebebasan bersuara, kebebasan media dan perlindungan hak dalam ruang digital. Pemantauan media CIJ pada masa lalu telah merekodkan bentuk ekspresi kritikan, penentangan pendapat dan satira, serta pelanggaran serius seperti dakwaan palsu, ugutan, ucapan benci dan naratif berbahaya yang lain.

Jaminan undang-undang kebebasan bersuara di Malaysia

Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan Malaysia memberikan rakyat hak kebebasan bersuara, kebebasan berhimpun dan kebebasan berpersatuan, manakala Perkara 8(2) melarang diskriminasi berdasarkan agama, bangsa, keturunan, tempat lahir atau jantina.

Menjenayahkan ucapan benci di bawah rangka kerja undang-undang semasa Malaysia

Bagaimanapun, berbanding menggunakan peruntukan perlindungan ini, negara menggunakan perundungan yang menindas seperti Akta Hasutan, Seksyen 233 CMA, dan Seksyen 504 dan 505 Kanun Keseksaan untuk membungkam pendapat dan ungkapan pendapat yang berbeza. Pelanggaran oleh pelaku negara dan bukan negara didokumentasikan dengan baik oleh organisasi masyarakat civil tempatan (CSO) seperti CIJ dan Suaram, serta CSO antarabangsa.

Seksyen 4A Akta Kesalahan Pilihan Raya Malaysia (1954) menjadikan satu kesalahan kepada usaha untuk menggalakkan niat jahat atau permusuhan. Seksyen 9 akta sama melarang pengaruh tidak wajar secara langsung atau tidak langsung melalui penggunaan kekerasan, keganasan, atau sekatan, atau dengan mendatangkan kecederaan, kerosakan, bahaya atau kerugian. Kedua-dua seksyen itu secara khusus memastikan kebebasan hak pilihan raya rakyat. Namun, seksyen ini menawarkan sedikit keselamatan untuk bukan warganegara dan kumpulan terpinggir yang sering menjadi sasaran ucapan kebencian serta penyiasatan jenayah. Sehingga kini, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) masih belum merangka sebarang garis panduan khusus mengenai penggunaan media sosial semasa pilihan raya, sekali gus meninggalkan tanggungjawab untuk mengawal penggunaannya, selain membiarkan pengguna mengawal sendiri atau platform atau pihak berkuasa Malaysia. Ini membuka peluang kepada syarikat-syarikat mengaut keuntungan, yang mana baru-baru ini pengecilan saiznya turut menjelaskan peranan pengawalan kandungannya, dan juga dalam kerajaan yang cenderung bersikap berat atau selektif dalam bertindak balas.

Ucapan berapi terutamanya melibatkan kaum dan agama merupakan isu sebenar dalam Malaysia yang berbilang etnik dan agama, malah cadangan kerajaan untuk menanganinya cuma lebih berkisar kepada perundungan, termasuk mencadangkan penggubalan Rang Undang-undang Anti-Diskriminasi, Rang Undang-Undang berkaitan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional dan Rang Undang-undang Kebencian Kebencian Agama dan

Kaum. Daripada menggubal lebih banyak peruntukan jenayah, masyarakat civil menggesa kerajaan Malaysia mempertimbangkan “inisiatif dasar positif bagi menangani diskriminasi dan konflik dalam masyarakat serta untuk menggalakkan toleransi dan persefahaman antara budaya”.

Piawaian antarabangsa dalam menentukan ucapan kebencian

Tiada definisi ucapan benci yang diterima secara universal.

Artikel 19 dan 20 Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR) menyatakan Negara mempunyai kewajipan dalam konteks berikut:

- *Larangan ucapan kebencian*

Perkara 20(2) mewajibkan Negara, melalui undang-undang, untuk melarang bentuk ucapan kebencian parah yang “menyokong kebencian kebangsaan, kaum atau agama yang menimbulkan hasutan kepada diskriminasi, permusuhan atau keganasan”, selaras dengan keperluan di bawah Perkara 19(3).

- *Tiga bahagian ujian dalam melarang ucapan kebencian*

Negara boleh mengenakan sekatan kepada kebebasan bersuara hanya dalam keadaan terhad dan luar biasa dan dikehendaki memenuhi ujian tiga bahagian mengikut Perkara 19(3) ICCPR:

- Legaliti: perlu diperuntukkan oleh undang-undang
- Legitimasi: perlu mengejar matlamat yang sah, seperti menghormati hak orang lain
- Keperluan dan perkadaran dalam masyarakat demokratik

Rancangan Tindakan Rabat

Pelan Tindakan Rabat, yang diterima pakai pada 2012, menyediakan ambang yang tinggi bagi menyekat kebebasan bersuara dengan ujian enam bahagiannya mengenai “hasutan kepada kebencian”, sebagai tambahan kepada ujian tiga bahagian di bawah Perkara 19(3) ICCPR.

Ujian ambang enam bahagian mempertimbangkan (1) konteks kenyataan, (2) status penutur, (3) niat untuk menghasutkan keganasan terhadap kumpulan sasaran, (4) kandungan dan bentuk kenyataan, (5) sejauh mana penyebaran, dan (6) kemungkinan mendatangkan bahaya, termasuk yang bakal menimpa.⁷

Platform media sosial tentang kata-kata kebencian

Platform media sosial mentakrifkan ucapan benci dalam syarat perkhidmatan atau piawaian komuniti mereka. Pada Mei 2016, Facebook, Twitter dan YouTube menandatangani kod kelakuan dengan Suruhanjaya Eropah dalam usaha mengawal selia ucapan kebencian dalam talian yang berlawanan dengan undang-undang.⁸

7 "Muka surat tentang ‘incitement to hatred’", Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia PBB, https://www.ohchr.org/sites/default/files/Documents/Issues/Opinion/SeminarRabat/Rabat_threshold_test.pdf

8 "The Code of conduct on countering illegal hate speech online", Suruhanjaya Eropah, 22 Jun, 2020, https://ec.europa.eu/commission/presscorner/detail/en/qanda_20_1135

- a. Piawaian Komuniti Facebook mentakrifkan ucapan benci sebagai serangan langsung terhadap orang berdasarkan apa yang mereka gelar sebagai ciri-ciri yang dilindungi: bangsa, etnik, asal usul negara, ketidakupayaan, hubungan keagamaan, kasta, orientasi seksual, jantina, identiti jantina dan penyakit serius.⁹
- b. Dasar Tingkah Laku Kebencian Twitter menyekat pengguna yang mana ciapan atau mesej langsung mereka:
- i. membuat ancaman ganas terhadap sasaran
 - ii. berniat, berharap atau menyeru kemudaratannya serius kepada seseorang atau sekumpulan orang
 - iii. membuat rujukan kepada pembunuhan beramai-ramai, tragedi keganasan, atau cara keganasan tertentu di mana kumpulan yang dilindungi menjadi sasaran atau mangsa
 - iv. menghasut terhadap kategori yang dilindungi
 - v. mengulangi cemuhan, julukan, perkauman dan seksual atau kandungan lain yang merendahkan martabat seseorang
 - vi. membuat imejan yang penuh kebencian¹⁰
- c. Ucapan kebencian di YouTube dikenal pasti sebagai kandungan yang “menghasut kebencian atau keganasan terhadap kumpulan berdasarkan sifat yang dilindungi seperti umur, jantina, bangsa, kasta, agama, orientasi seksual atau status veteran”.¹¹
- d. TikTok tidak membenarkan “sebarang tingkah laku yang penuh kebencian, ucapan benci, atau mempromosikan ideologi kebencian”. Ini termasuk kandungan yang menyerang seseorang atau kumpulan kerana sifat yang dilindungi, termasuk: kasta, etnik, asal usul negara, bangsa, agama, suku, status imigresen, jantina, identiti jantina, orientasi seksual, kecacatan dan penyakit serius. Prinsip Komuniti juga mentakrifkan ideologi kebencian sebagai “sistem kepercayaan yang mengecualikan, menindas, atau sebaliknya mendiskriminasi individu berdasarkan sifat-sifat mereka yang dilindungi, seperti ketuanan kaum, misogini, anti-LGBTQIA+ dan antisemitisme”¹².

9 “Facebook Community standards: Hate speech”, Meta, Pautan di https://www.facebook.com/communitystandards/hate_speech/ seperti dipetik oleh Papčunová, J., Martončík, M., Fedáková, D. dalam *Hate speech operationalization: a preliminary examination of hate speech indicators and their structure*. Complex Intell. Syst. (2021). <https://doi.org/10.1007/s40747-021-00561-0>

10 “Hateful Conduct”, Twitter, Februari 2023, <https://help.twitter.com/en/rules-and-policies/hateful-conduct-policy>

11 “How does YouTube protect the community from hate and harassment?”, Our Commitments: Hate versus harassment, YouTube, <https://www.youtube.com/howyoutubeworks/our-commitments/standing-up-to-hate/>

12 Community Guidelines, TikTok, Kali terakhir dikemas kini pada Mac 2023, <https://www.tiktok.com/community-guidelines/en/?cgversion=2023>

PEMANTAUAN MEDIA SOSIAL PADA PILIHAN RAYA UMUM MALAYSIA KE-15



2 | RANGKA KERJA PEMANTAUAN

2. RANGKA KERJA PEMANTAUAN

Berdasarkan pemerhatian lampau oleh projek pemantauan pilihan raya, CIJ menjangkakan peningkatan dalam ucapan kebencian terutama di media sosial semasa PRU15. Taktik ini telah kerap digunakan untuk mengawal naratif dan mempengaruhi pemahaman awam tentang isu-isu utama. Ucapan kebencian juga mengganggu serta mengalihkan perhatian daripada penyelesaian masalah, selain meningkatkan potensi bahaya terhadap individu dan komuniti terpinggir.

Matlamat keseluruhan projek ini adalah untuk mengukuhkan daya tahan masyarakat Malaysia terhadap naratif berasaskan kebencian sebelum dan semasa PRU15. Matlamatnya juga adalah untuk mempertahankan dan mempromosikan kebebasan bersuara dan integriti maklumat di Malaysia sebagai komponen penting dalam demokrasi.

Rangka kerja pemantauan projek ini berdasarkan hak asasi manusia. Iaitu, mengiktiraf hak rakyat untuk penyertaan politik dan menghormati hak sivil dan politik mereka untuk kebebasan bersuara, berpendapat dan berhimpun; hak untuk mendapatkan maklumat; dan hak untuk mendapatkan nasihat perundangan yang berkesan untuk pelanggaran pilihan raya dalam percambahan ketara antara kaum, jantina, agama, orientasi seksual, identiti jantina dan kewarganegaraan.

Rangka kerja pemantauan juga dipandu oleh prinsip kesaksamaan serta pengumpulan dan analisis maklumat yang sistematik, komprehensif dan tepat.

Skop pemantauan

Projek ini menggunakan kaedah 3M dalam analisis terhadap:

- a. Naratif toksik dan ucapan kebencian sekitar 3R, jantina dan LGBTIQ, warga asing.
- b. Pelaku tidak sahih (terselaras atau sendirian), maklumat salah dan penguatan buatan naratif toksik dan ucapan kebencian sekitar 3R, jantina dan LGBTIQ, warga asing.

Menggunakan alat automatik, kami mendapati naratif yang memecahbelahkan dan bersifat toksik pada akaun rasmi Facebook, Twitter, YouTube dan TikTok pelaku terpilih. Pemantau juga menyemak CIB.

Skop analisis

Set data pemantauan dikaji mengikut:

- Analisis kandungan: mesej atau naratif hantaran
- Pengenalpastian dan analisis rangkaian: pemetaan pelaku dan hubungan mereka

2.1 Mentakrifkan ucapan benci untuk projek pemantauan

Tiada definisi yang dipersetujui secara universal mengenai ucapan benci, termasuk di Malaysia, atau tahap ucapan benci. Akibatnya, projek pemantauan mengenakan tahapnya sendiri. Dalam pemantauan ini, tahap parah ucapan kebencian mungkin tidak semestinya memenuhi ambang tinggi dalam Pelan Tindakan Rabat. Bagaimanapun, tahap parah menunjukkan perkembangan pertuturan yang tidak bertolak ansur, diskriminasi dan tidak berperikemanusiaan, selain yang menghasut keganasan dan kecederaan terhadap tubuh badan.

Pemantauan ini mempertimbangkan dua elemen asas ucapan kebencian¹³:

- **Kebencian:** “emosi kecaman yang tinggi dan tidak rasional, permusuhan dan kebencian terhadap individu atau kumpulan, disasarkan kerana mempunyai ciri tertentu yang dilindungi sama ada yang sebenar atau yang dilihat (diiktiraf di bawah undang-undang antarabangsa¹⁴)”
- **Ucapan:** “sebarang ungkapan yang menyampaikan pendapat dan idea yang membawa pendapat atau idea dalaman kepada khalayak luar. Ia boleh muncul dalam pelbagai bentuk sama ada bertulis, bukan lisan, visual atau artistik selain disebarluaskan melalui mana-mana media termasuk internet, bercetak, radio atau televisyen”.

Projek ini menetapkan parameter ucapan benci dan ucapan yang dikategorikan pada empat tahap spektrum parah dengan ciri yang sepadan:

Tahap 1: Selisih faham atau bahasa yang tidak menyenggung perasaan

Tahap 2: bahasa atau diskriminasi yang menyenggung perasaan

Tahap 3: bahasa atau permusuhan yang tidak berperikemanusiaan

Tahap 4: menyebabkan hasutan atau seruan untuk keganasan

Ia seterusnya menyesuaikan ujian ambang dalam Pelan Tindakan Rabat, dan dikategorikan menggunakan rangka kerja 3M ke dalam jadual berikut:

Jadual 1: Ujian ambang untuk keparahan ucapan benci

MESSENGER	1. Penutur	• Kedudukan/status (darjah pengaruh) dalam masyarakat.
	2. Niat	• Niat untuk menimbulkan kebencian atau mendatangkan bahaya.
MESEJ	3. Konteks	• Menempatkan ucapan dalam konteks sosial, agama dan politik, dan dinamik kuasa pada masa ucapan itu dibuat dan disebarluaskan. Ini mungkin termasuk konteks sejarah, dasar atau norma sosial lampau.
	4. Isi dan Bentuk	• Tahap ucapan yang provokatif dan langsung. • Bentuk, gaya dan sifat hujah yang digunakan dalam ucapan.
PERMESEJAN	5. Khalayak	• Jangkauan pertuturan, sifat awamnya, magnitud dan saiz khalayak. • Kekerapan, kuantiti dan tahap komunikasi. • Sama ada kenyataan itu diedarkan dalam persekitaran terhad atau boleh diakses secara meluas kepada orang ramai. • Sama ada penonton mempunyai cara untuk bertindak ke atas hasutan itu.
	6. Medium	• Cara pemesejan dan penguatan (satu platform atau berbilang atau merentas platform). • Penggunaan akaun tidak sahih (bot, cybertroopers).

2.2 Peraturan untuk kenal pasti isu, pelaku dan platform

a. Pemilihan Pelaku

Pelaku yang dipantau dipilih daripada kategori berikut:

1. Parti politik

Semua parti politik utama dimasukkan, dengan mengambil kira komuniti yang diwakili mereka, wakil geografi dan pengaruh mereka di media sosial.

13 ‘Hate Speech’ Explained: A Toolkit, 2015 Edition, Article 19

<https://www.article19.org/data/files/medialibrary/38231/%27Hate-Speech%27-Explained---A-Toolkit-%282015-Edition%29.pdf>

14 Lihat Camden Principles on Freedom of Expression and Equality, “‘Hate Speech’ Explained: A Toolkit, 2015 Edition”, Article 19, 2015.

2. Ahli politik

Ahli politik dipilih untuk mewakili semua parti politik utama, dengan mengambil kira penglibatan mereka dalam isu yang diliputi di bawah projek pemantauan ini, jantina dan wakil geografi, pengaruh di media sosial, dan sama ada mereka mempunyai rekod prestasi menyebarkan naratif positif atau toksik.

3. Media

Jenama media teratas dipilih berdasarkan penilaian daripada Statista¹⁵ dan Reuters Institute Digital News Report¹⁶, kedudukan keterlibatan media sosial mereka, termasuk juga bahasa dan wakil geografi.

4. Agensi kerajaan utama

Agensi-agensi dipilih berdasarkan tahap penglibatan mereka atau jika mereka merupakan sumber maklumat berkait isu-isu yang diliputi di bawah projek pemantauan ini.

5. KOL

KOL dipilih berdasarkan pengaruh mereka di media sosial atau jika akaun tersebut mempunyai rekod penyebaran maklumat salah, naratif toksik atau komen positif yang mendapat tarikan.

Projek ini juga melihat pelaku yang tidak tulen, sama ada ia laskar siber manusia atau bot, diselaraskan atau bersendirian, selain mengenal pasti kesan mereka dalam mempengaruhi wacana mengenai lima isu.

b. Pemilihan isu

Projek ini memantau tahap ucapan kebencian yang sekitar naratif dan kandungan berkait 3R, jantina, warga asing, selain individu LGBTIQ yang disiarkan oleh pelaku yang dinamakan di atas.

Pengalaman CIJ dan masyarakat civil dalam latihan pemantauan sebelum ini mendapati isu-isu ini telah meningkat secara jelas semasa pilihan raya.

Kata kunci dan sub tema bagi setiap isu telah dikenal pasti dalam tiga bahasa utama iaitu Bahasa Melayu, Inggeris dan Mandarin.

c. Pemilihan platform

Menggunakan alat Pemantauan Media Sosial (SMM), kami mendapati naratif yang memecahbelahan dan toksik di akaun Facebook, Twitter, YouTube dan TikTok rasmi.

Platform tersebut dipilih berdasarkan kedudukan media sosial teratas di Malaysia¹⁷, di

15 "Share of respondents who consume news through online media in Malaysia in 2022, by media brand", Statista, June 2022, <https://www.statista.com/statistics/982709/malaysia-weekly-use-online-media-by-brands/>

16 Zaharom Nain, "Malaysia", dalam Reuters Digital News Report 2021: 10th Edition, Reuters Institute for the Study of Journalism, m/s 140-141

17 Zaharom Nain, "Malaysia", in Reuters Digital News Report 2021: 10th Edition, Reuters Institute for the Study of Journalism, m/s 139-140, https://reutersinstitute.politics.ox.ac.uk/sites/default/files/2021-06/Digital_News_Report_2021_FINAL.pdf

mana pada 2021, 47% rakyat Malaysia berkongsikan berita melalui media sosial, pemesejan atau e-mel¹⁸ seperti berikut: Facebook (56%), YouTube (36%), Instagram (22%) dan Twitter (16%). TikTok dikenal pasti sebagai keutamaan kerana ia menduduki tempat kedua teratas aplikasi mudah alih di Malaysia setakat 2022, dan majoriti penggunanya berumur di bawah 30 tahun¹⁹. TikTok juga telah memberi kesan ketara kepada keputusan pilihan raya Filipina pada Mei 2022²⁰.

d. Peraturan dalam menentukan akaun tidak sah

Peraturan berikut digunakan dalam menentukan sama ada siaran dibuat oleh akaun tidak sah²¹:

1. Jika akaun baru diaktifkan, khususnya menjelang pilihan raya
2. Jika akaun mempunyai pengikut yang terhad
3. Jika akaun mempunyai jenis mesaj dan respons yang serupa
4. Jika akaun mengikuti jenis akaun serupa dan siar semula kandungan sama
5. Kepantasan penyebaran dan tindak balas

Rujuk **Lampiran I** untuk akaun yang dipantau di bawah projek ini.

¹⁸ Reuters Digital News Report 2021: 10th Edition, Reuters Institute for the Study of Journalism, https://reutersinstitute.politics.ox.ac.uk/sites/default/files/2021-06/Digital_News_Report_2021_FINAL.pdf

¹⁹ "Social Media Penetration in Malaysia [Research]", Digital Business Lab, 26 July 2022, <https://digital-business-lab.com/2022/07/%E2%91%A1-social-media-penetration-in-malaysia-research/>

²⁰ De Guzman, C. (2022, May) A Dictator's Son Rewrites History on TikTok in His Bid to Become the Philippines' Next President. Time Magazine. Pautan: <https://time.com/6173757/bongbong-marcos-tiktok-philippines-election/>. Diakses pada 6 April 2023.

²¹ Akaun Twitter juga disemak silang dengan Botometer. Botometer menyiasat aktiviti akaun Twitter dan memberikan skor. Markah yang lebih tinggi menunjukkan lebih banyak aktiviti seperti bot. Pautan: <https://botometer.osome.iu.edu/>

PEMANTAUAN MEDIA SOSIAL PADA PILIHAN RAYA UMUM MALAYSIA KE-15



3 | METODOLOGI

3. METODOLOGI

3.1 Kaedah

Dua latihan pemantauan telah dijalankan. Perintis dijalankan sebelum pembubaran Parlimen (15 Ogos–30 September 2022), dan pemantauan sebenar bermula selepas pengumuman SPR pada 20 Oktober hingga 26 November 2022.

Perintis direka bentuk bagi menguji alat pemantauan dan menyemak kesahihan data yang dikumpul. Perintis juga bekerja untuk menilai kesediaan dan kebolehpercayaan pemantau, serta keberkesanan struktur pelaporan pemantau.

Pemantauan PRU15 sebenar telah dijalankan sebelum, semasa dan selepas PRU15 selain termasuk pemantauan pada hari penamaan calon pada 5 November dan pada hari pilihan raya pada 19 November. Apabila pertembungan ketat berakhir sehingga Parlimen digantung, CIJ membuat keputusan untuk menambah tempoh masa seminggu untuk mengumpul data.

3.1.1 Sorotan kajian

Kami menjalankan sorotan kajian berkait ucapan benci dan salah maklumat semasa pilihan raya, khususnya menggunakan kajian kes pemantauan pilihan raya tempatan dan antarabangsa.

Kami juga bertemu dengan rakan sekutu yang mempunyai pengalaman praktikal dalam pemantauan media bagi mengetahui tentang rangka kerja pemantauan, skop, alatan, cerapan dan petua praktikal serta cadangan bagi membangunkan dan melaksanakan rangka kerja pemantauan ini.

3.1.2 Kaedah pengumpulan data

a. Menggunakan alat untuk pengumpulan data

CIJ melantik syarikat teknologi data Malaysia Zanroo yang menggunakan Aplikasi Aturcara Antara Muka dan algoritma carian dari Facebook, Twitter, YouTube dan TikTok untuk mengumpul data kuantitatif mengikut kata kunci dan halaman tertentu. Ini membolehkan pengimbasan dan pemprosesan berjuta-juta kandungan pada platform ini bagi “mengikis” data yang sesuai dengan kata kunci dan akaun yang ditentukan oleh CIJ dan pasukan pakar.

b. Melibatkan pemantau manusia untuk memproses data yang dikumpul

CIJ mengumpulkan pasukan pemantau, kebanyakannya pelajar universiti, yang dilatih untuk menyemak, mengkategorikan dan menandakan set data mengikut kata kunci dan tahap parah pertuturan. Mereka juga setiap hari kepada CIJ untuk mengenal pasti tindak balas pantas berpotensi yang diperlukan daripada masyarakat sivil.

3.2 Pengumpulan data

Pelbagai jenis hantaran media sosial yang dikumpul telah dikategorikan di bawah takrifan ini:

- Jumlah hantaran diproses:** Ini set data yang digunakan untuk analisis. Ia dipecahkan di bawah tajuk ini: pelaku, isu dan tahap parah ucapan. Setiap tajuk mempunyai angka tersendiri.

- **Hantaran sendiri:** Merujuk kepada hantaran asal oleh pelaku. Sesetengah pelaku mempunyai hantaran sendiri yang tidak menepati kriteria tetapi mengundang komen dan sebutan yang sesuai dengan kriteria.
- **UGC:** Komen yang dijana pengguna merujuk kepada ulasan/mesej oleh bukan pelaku yang disiarkan di bawah siaran asal, serta dipetik/disebut oleh pelaku lain.
- **Sebutan:** Merujuk kepada hantaran di mana pelaku disebut atau ditag berkaitan dengan isu, sama ada dalam hantaran mereka sendiri atau dalam UGC.
- **Mesej:** Seorang pelaku mungkin menyebut beberapa isu dalam satu siaran yang mungkin muncul di bawah templat berbeza. Jika satu hantaran tunggal direplikakan dalam tiga templat (contohnya, di bawah kaum, agama, dll), ia akan dikira sebagai tiga titik data.

3.2.1 Kebolehpercayaan pengekod dalaman

Semasa fasa terakhir, ujian kebolehpercayaan pengekod dalaman telah dijalankan bagi memastikan kebolehpercayaan penandaan pemantauan manusia untuk tahap parah dalam set data. Ujian ini menggunakan sampel tahap parah bagi memastikan kebolehpercayaan pengekod dalaman. Model statistik kappa Fleiss dipilih kerana ia memberikan pengukuran kebolehpercayaan lebih daripada tiga pengekod. Sepasukan 15 pemantau mengambil bahagian dalam ujian kebolehpercayaan dan markah mereka sebanyak 0.459, yang jatuh dalam julat sederhana antara 0.41 hingga 0.60. Memandangkan magnitud data serta kerumitan isu, nilai ini dianggap sudah boleh dipercayai.

PEMANTAUAN MEDIA SOSIAL PADA PILIHAN RAYA UMUM MALAYSIA KE-15



4 | ANALISIS PEMANTAUAN

4. ANALISIS PEMANTAUAN

4.1 Sorotan keseluruhan

Dataset akhir untuk analisis kami diperoleh melalui proses penapisan tiga bahagian:

TINDAKAN	KAEDAH	MESEJ UNIK
Langkah 1 Penapisan awal semua pelaku yang dikenal pasti, termasuk hantaran sendiri dan juga UGC.	Alat Automatik	2,323,427
Langkah 2 Tahap kedua penapisan mengikut pelaku dan isu yang dikenal pasti, termasuk hantaran sendiri dan juga UGC.	Alat Automatik	274,481
Langkah 3 Tapisan akhir untuk membuang hantaran yang tiada kena mengena dengan kriteria parah.	Pemantau Manusia	99,563

Sebanyak 99,563 mesej unik²² terlah dianalisis, iaitu 4.3% daripada hantaran awal telah dikikis oleh alat automatik. Data menunjukkan sebahagian besar hantaran berasal daripada UGC biasa (62,079) dan hantaran yang menyebut pelaku tertentu (33,381), berbanding hantaran pelaku yang dikenal pasti (2,433).²³

Naratif berdasarkan kaum mendahului dengan 66,933 hantaran. Ini diikuti oleh agama dengan 24,484; institusi diraja sebanyak 14,320; jantina dan komen yang menyasarkan golongan LGBTIQ sebanyak 7,596; manakala komen menyasarkan warga asing merupakan yang terendah dengan 3,819.

Jadual 2: Jumlah Hantaran Mengikut Isu

ISU	JUMLAH HANTARAN
Kaum	66,933
Agama	24,484
Institusi Diraja	14,320
Jantina dan LGBTIQ	7,596
Warga Asing	3,819
Jumlah Hantaran	117,152 ²⁴

Secara keseluruhan, hantaran Tahap 3 dan 4 hanya membentuk 0.15% daripada jumlah mesej unik yang dipantau. Perlu diingat bahawa tiada satu pun hantaran oleh pelaku yang dipantau berada di Tahap 4. Sebahagian besarnya adalah UGC yang menguatkan kebencian.

22 Mesej unik merupakan nilai yang berbeza berbanding jumlah bilangan hantaran yang dikaji.

23 Data tidak semestinya eksklusif untuk jenis hantaran tertentu, oleh itu jumlah jenis hantaran mungkin berbeza daripada jumlah keseluruhan hantaran (99,563).

24 Data tidak semestinya eksklusif untuk isu tertentu; oleh itu, jumlah isu (99,563) mungkin berbeza berbanding jumlah hantaran (99,563).

Jadual 3: Jumlah Mesej Unik Mengikut Tahap Parah

TAHAP	MESEJ UNIK
Tahap 1 selisih faham / tidak singgung perasaan	81,763
Tahap 2 singgung perasaan / diskriminasi	17,656
Tahap 3 tidak berperikemanusiaan / bermusuhan	105
Tahap 4 hasutan / seruan keganasan	39
Jumlah Mesej Unik	99,563

Majoriti 81,763 hantaran ketika pemantauan berada pada Tahap 1, (untuk hantaran sendiri + UGC + disebut) dan dikategorikan sebagai perbezaan pendapat dan tidak menyinggung perasaan. Sementara itu, sejumlah 17,800 daripada semua siaran (18% atau hampir satu perlima) diklasifikasikan sebagai antara Tahap 2 dan 4. Ini membimbangkan kerana ia menunjukkan bahawa di media sosial, satu daripada lima pengguna bertindak balas dengan komen yang menyinggung perasaan, diskriminasi, tidak berperikemanusiaan atau bermusuhan, sebahagian daripadanya menghasut keganasan atau menyeru kecederaan fizikal, berbanding menerima perbezaan pendapat.

Jadual 4: Keparahan mengikut Isu (Jumlah Hantaran Diproses)

ISU	Tahap 1 selisih faham / tidak singgung perasaan	Tahap 2 singgung perasaan / diskriminasi	Tahap 3 tidak berperi- kemanusiaan / bermusuhan	Tahap 4 hasutan / seruan keganasan	JUMLAH HANTARAN
Kaum	54,827	12,054	47	5	66,933
Agama	21,158	3,315	8	3	24,484
Institusi Diraja	13,375	922	23	0	14,320
Jantina dan LGBTIQ	4,007	3,580	9	0	7,596
Warga Asing	2,930	831	26	32	3,819
Jumlah Hantaran	96,297	20,702	113	40	117,152

4.1.1 Pelaku yang menyemarakkan naratif

Jumlah hantaran sendiri adalah rendah (3,765), dengan sebahagian besarnya berasal daripada UGC (105,698), diikuti dengan sebutan (68,628).

Jadual 5: Isu Mengikut Jenis Catatan

	UGC	HANTARAN SENDIRI	DISEBUT	JUMLAH
Media	7,811	1,371	20,212	29,394
Kerajaan	1,550	152	2,892	4,594
KOL	1,178	202	4,774	6,154
Parti Politik	21,808	879	30,033	52,720
Ahli Politik	36,281	1,161	47,787	85,229
Jumlah	68,628	3,765	105,698	178,091

Ahli politik merupakan pelaku utama yang menyumbang kepada naratif kaum. Ini diikuti dengan mesej daripada pelaku media mengenai agama, institusi diraja, jantina dan menasarkan golongan LGBTIQ. Kerajaan pula merupakan pelaku utama yang menasarkan warga asing.

Berbanding kategori pelaku lain, media menjana jumlah tertinggi hantaran sendiri (1,371), memandangkan mereka menyiaran kandungan berita mereka sendiri pada platform yang berbeza.

Tiada satupun hantaran sendiri pelaku yang dipantau mencapai Tahap 4. Hadi satu-satunya pelaku yang mempunyai dua hantaran sendiri yang mencapai Tahap 3. Sebilangan pelaku lain, termasuk Muhyiddin, Lim Guan Eng, Syed Saddiq, Dr Mahathir Mohamad, Ahmad Zahid Hamidi, Jabatan Imigresen Malaysia, DAP, PAS, Bersatu dan Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA).

Abdul Hadi Awang [facebook.com](#) • Public • Topic • Oct 22, 2022 12:49

Added

'Iblis' dalam Pakatan Harapan

Antara perkara yang paling mencabar berlaku semasa pemerintahan Pakatan Harapan (PH) ialah apabila mereka hendak meratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) dan menandatangani Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC).

Mereka juga berani menunjukkan simpati kepada komunis. Perbuatan sebegini menunjukkan wujudnya 'iblis' dalam PH.

#MalaysiaSejahtera
#BersihDanStabil
#TurunMengundi
[Translate](#)

Facebook, 22 Oktober, 2022

Kami juga mendapati hantaran daripada beberapa pelaku utama menjadi tunjang buat pengguna media sosial yang kemudiannya menguatkan lagi dengan mesej kebencian. Terdapat penggunaan konsisten beberapa istilah - contohnya, "pengkhianat" dan "DAPigs" yang berfungsi sebagai pencetus kepada serangan paling teruk. Pemantauan mendapati kebanyakan mesej kebencian bukan berasal daripada hantaran pelaku itu sendiri tetapi daripada UGC dan disebut. Hantaran tentang isu yang berbeza dan pada platform media sosial yang berbeza juga menggunakan istilah ini berulang kali, menunjuk ke arah corak tingkah laku yang ber-

Twitter post by Ahmad Stuff (@dapmalaysia) dated Nov 17, 2022 21:24:

@dapmalaysia Buto la daPIGs. KOMPEM MANYAK KINCING PUNYAI! <https://t.co/...>

Facebook comment by No user info (@dapmalaysia) dated Nov 09, 2022 06:

Cina dapigs dan menipu berpisan tiada.

Facebook comment by No user info (@dapmalaysia) dated Nov 18, 2022 03:25:

Jaga agama..bangsa..tanahair..jgn sampai terlepas pada DAPigs dan pengikutnya...

Facebook comment by No user info (@dapmalaysia) dated Oct 27, 2022 12:40:

Dasar pendataan Hapuskan baru Dan komuni

Facebook comment by No user info (@dapmalaysia) dated Nov 23, 2022 14:22:

Tamat kuasa sampai bersekutu dengan dapigs harbi. Ko jawablah dengan Allah nanti.

Facebook dan Twitter, 2-23 November, 2022

Pelaku utama yang dipantau tidak mengecam atau mengekang pengulas daripada meluahkan kebencian. Mereka tidak menghalang penyokong mereka daripada menyebarkan mesej melampau. Mereka juga tidak menggunakan ciri perlindungan dan penapis yang ditawarkan oleh platform media sosial untuk menyekat kata kunci tertentu. Dalam erti kata lain, pelaku itu membenarkan ucapan kebencian.

Jadual 6: Keparahan Mengikut Jenis Hantaran

TAHAP PARAH	Disebut	Hantaran Sendiri	UGC	JUMLAH HANTARAN
Tahap 1	29,979	2,429	61,682	94,090
Tahap 2	8,486	280	12,760	21,526
Tahap 3	25	4	81	110
Tahap 4	2	0	32	34
Jumlah	38,492	2,713	74,555	115,760

4.1.2 Pengekalan maklumat salah

Sesetengah pelaku dengan jumlah hantaran sendiri dan/atau UGC yang tinggi mengekalkan maklumat salah tanpa memberikan bukti atau dengan membengkokkan kebenaran dan/atau memalsukan maklumat.

Pelaku seperti PAS dan Hadi misalnya, berulang kali menuduh DAP sebagai komunis. Dalam contoh lain, Muhyiddin mendakwa Yahudi dan Kristian mempunyai agenda rahsia untuk berdakwah dan mengkafirkan orang Islam di Malaysia.




Twitter, 19 Oktober, 2022

4.1.3 Tragedi 13 Mei 1969 dan propaganda selepas pilihan raya

Banyak yang “pertama” dihasilkan selepas pilihan raya iaitu, pertama kali Parlimen digantung, yang pertama buat pengundi muda berusia 18 tahun (di mana ramai yang mengundi PN), selai kali pertama PAS menjadi parti dengan jumlah kerusi tertinggi. Pada hari-hari selepas keputusan PRU15 diumumkan, masih tidak jelas siapa yang akan menjadi perdana menteri dan jenis gabungan mana yang akan membentuk kerajaan. Ini bermakna Yang di-Pertuan Agong perlu memainkan peranan lebih besar yang tidak pernah berlaku sebelum ini dalam pembentukan kerajaan baharu.

Ketidakpastian politik memberi ruang kepada sesetengah pelaku untuk menimbulkan ketakutan dan memperhebatkan permusuhan. Video TikTok oleh pencipta kandungan muda yang menjadi tular mengancam kemungkinan berulangnya rusuhan kaum seperti pada 13 Mei 1969 jika DAP dan PH kembali berkuasa.



TikTok, 25 November, 2022

Satu lagi naratif pasca pilihan raya berpusat di sekitar ketidaksetiaan kepada sistem beraja dan desakan agar kerajaan menegakkan kedaulatan Melayu. Ini disasarkan terutamanya kepada Muhyiddin dan PN. Naratif-naratif ini disusun dalam konteks “derhaka” atau pengkhianatan. Mereka juga mendesak agar institusi diraja campur tangan dan memecahkan kebuntuan politik.

4.1.4 Isu LGBTIQ jadi senjata

Golongan LGBTIQ menjadi sasaran semasa PRU15, malah lebih dipolitikkan berbanding pilihan raya sebelum. LGBTIQ jarang menjadi isu yang berdiri sendiri kerana ia sering digabungkan dengan tuntutan liberalisme atau nilai anti-Islam. Naratif ini sering digunakan terhadap gabungan PH dan pemimpinnya. Gabungan itu dilihat sebagai pro-LGBTIQ dan oleh itu, anti-Islam. Naratif LGBTIQ terhadap Azmin Ali dari PN seperti dikecualikan, dan ia seperti disenyapkan berbanding hantaran media sosial terhadap PH, DAP atau Anwar.

4.1.5 Pertembungan antara agama dan isu lain

Sebagai fenomena yang semakin berkembang di Malaysia, kami mendapati perubahan ketara dalam cara bagaimana agama semakin digunakan untuk memecahbelahkan masyarakat yang sudah berpecah belah. Pemantauan mendapati trajektori agama digunakan untuk mencetuskan percanggahan dan memainkan rasa tidak selamat dalam kalangan Melayu Islam yang sudah pun berdepan kesusahan sosioekonomi akibat COVID-19 dan kelembapan ekonomi. Ia menjadi gabungan kritikal antara melindungi hak Melayu dan keperluan untuk mempertahankan Islam. Konsep “ketuanan Melayu” menjadi sinonim dengan konsep “ketuanan Melayu-Muslim”. Oleh itu, kempen pilihan raya menjadi medan pertempuran bagi “Islamis” untuk melonjakkan ideologi yang mahu mempertahankan Islam daripada dikikis oleh mereka yang dicap sebagai “sekularis”, “penyeleweng” atau “yang lain”.

4.1.6 Warga asing jadi sasaran

Terdapat sasaran ketara terhadap bukan warga Malaysia di media sosial, dengan serangan ke atas warga asing mencapai tahap parah tertinggi berbanding isu lain yang dipantau. Walaupun serangan terhadap komuniti LGBTIQ dijadikan sebagai alat kempen politik, perkara yang sama tidak boleh dikatakan mengenai sasaran terhadap warga asing. Ini mencerminkan masalah yang lebih besar tentang bagaimana Malaysia melayan warga asing dengan lebih baik, lebih-lebih lagi semenjak pandemik COVID-19.

Kami memutuskan untuk memasukkan warga asing dalam projek pemantauan ini kerana pada masa lalu, negara mempergunakan mereka untuk mengalihkan perhatian orang ramai daripada isu dasar. Pada pilihan raya 2013 dan 2018, terdapat kebimbangan bahawa kumpulan besar pekerja asing akan diberikan kad pengenalan Malaysia dan dihantar ke pusat mengundi. Pada 2022, kebimbangan ini hampir tiada. Oleh itu, dasar0dasar berkait warga asing tidak berlaku dalam tempoh pemantauan ini. Bagaimanapun, kumpulan-kumpulan ini masih konsisten dijadikan kambing hitam, walaupun tindakan ini tidak dikaitkan dengan mana-mana kumpulan politik.

4.1.7 Serangan terhadap ahli politik wanita

Serangan terhadap ahli politik dan calon wanita cenderung berkisar pada menyindir badan (body shaming) dan dasar. Contohnya ialah tumpuan wanita untuk “menutup aurat”. Wanita juga sentiasa diingatkan tentang peranan stereotaip sebagai ibu dan suri rumah. Lebih teruk ialah label menghina yang digunakan terhadap ahli politik wanita seperti “betina”. Istilah ini digunakan di utara dan pantai timur Semenanjung Malaysia yang membawa bermaksud wanita tetapi juga boleh digunakan untuk menghina wanita yang mempunyai akhlak meragukan. Label lain ialah “Mak Lampir” yang merujuk kepada ahli sihir yang jahat dan berkuasa dalam drama sejarah Jawa. Label-label ini sering ditujukan kepada Rina Harun, Zuraida Kamaruddin, Hannah Yeoh dan Nurul Izzah Anwar.

The collage consists of several social media posts arranged in a grid. The posts include:

- A Facebook post by Hannah Yeoh (@hannahyeoh) on Nov 21, 2022, 07:37, with 1 like and 1 share. It reads: "Kepada rakyat Sabah dan Sarawak, beritahu kepada parti-parti yang anda pilih - bahawa anda mahukan Kerajaan Persekutuan mewakili pelbagai kaum di Putrajaya, dan bukannya yang mahu menimbulkan ketegangan kaum dan agama dalam kalangan rakyat Malaysia." It includes a link to a translation of the statement.
- A Twitter post by @hannahyeoh (@hannahyeoh) on Nov 21, 2022, 07:19, with 1 like and 1 share. It reads: "People of Sabah and Sarawak, let the political parties who represent your interest know - that you want a multiracial government in Putrajaya and not one who toys with racial and religious tension among Malaysians." It includes a link to a translation of the statement.
- A Facebook post by No user info (@no_user_info) on Nov 22, 2022, 17:17, with 1 like and 1 share. It reads: "Diamlah komunis betina".
- A Facebook post by No user info (@no_user_info) on Nov 20, 2022, 10:43, with 1 like and 1 share. It reads: "Berita tergempar Rina Harun gemuk kembali".
- A Twitter post by @n_izzah (@n_izzah) on Nov 10, 2022, 11:47, with 1 like and 1 share. It reads: "@en757 @zack_rockstar Dia (nurul hidayah) lebih Jaga aurat berbanding @n_izzah. @n_izzah Pakai t-shirt lengkap pendek, pandai stokin tangan ketat. Jika Pakai yg ketat,mengikut benda anggota badan ibarat tidak menutup aurat. 🤣🤣🤣 https://t.co/QNgQD2181u". It includes a link to a translation of the statement.

Facebook dan Twitter, 9-20 November, 2022

4.1.8 CIB

Hampir satu pertiga daripada hantaran CIB yang dipantau semasa projek ini adalah di Twitter. Dengan 49.8%, hampir separuh daripada hantaran CIB adalah mengenai kaum dan 38.9% mengenai agama. Pemantauan mendapati sukar untuk memisahkan akaun media sosial tulen daripada akaun palsu untuk menentukan kesan. Ini kerana pencipta identiti palsu kerap menggunakan kaedah canggih menjadikan mereka kelihatan tulen seperti menggunakan imej profile atau meniru gelagat pengguna sebenar.

4.2 Analisis berdasarkan isu

4.2.1 Kaum

Antara lima isu utama, hantaran berkait kaum mendapat jumlah tertinggi dengan 66,933 (rujuk Jadual 4).

Pelaku

Jumlah hantaran berkait kaum tertinggi berasal daripada ahli dan parti politik. Ismail Sabri Yaakob, Anwar dan PAS merupakan tiga pelaku utama bagi semua kategori pelaku dan jenis hantaran berkait kaum.

Bekas perdana menteri, Ismail Sabri, mempunyai UGC paling banyak (6,229), kebanyakannya merupakan komen yang memihak kepada konsep Keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh pentadbirannya. Skala parah berada pada tahap rendah.


Walaupun tidak mempunyai angka tertinggi dengan hanya 51 hantaran sendiri, 1,803 UGC dan 1,926 sebutan, Hadi tetap menjadi yang terkuat dalam hantaran berkait kaum.

Isu

a) Mengangkat sentimen anti-Cina

Menjelang pilihan raya, hantaran media sosial Hadi, yang turut dikongsi semula oleh akaun rasmi PAS dan Harakah Daily, bersifat negatif terhadap DAP. Hantaran ini menggunakan istilah seperti “parti komunis”, “liberal” dan “ateis”, selain mendakwa DAP mengamalkan rasuah.

Hantaran video TikTok Hadi pada 1 November menyebut tindakan DAP meletakkan calon Melayu sebagai “langkah bahaya dan licik”.



Facebook, 10 November, 2022



Facebook, 20 Oktober, 2022

Satu lagi contoh di bawah kategori ini ialah catatan Najib mengenai kekurangan telur ayam, yang mana beliau kaitkan dengan kartel syarikat China.

b) Ketuanan Melayu

Sehingga 3,956 mesej unik menyebarkan “Ketuanan Melayu”. Hantaran ini seiring dengan retorik anti-Cina, dan konsep kesetiaan dan ketaatan.

Menumpang kejayaan besar filem Mat Kilau, kisah pejuang kemerdekaan Melayu turut digunakan oleh pelakon lain sebagai seruan untuk berhimpun. Hantaran Gerakan Pengundi Sedar di Facebook pada 26 Oktober memetik Tok Gajah, watak dalam filem itu, yang bercakap mengenai usaha mempertahankan bangsa dan agama (“jaga bangsa, agama”). Kenyataan 18 November oleh PAS Pusat di Facebook, bertajuk “Rintihan Buat Bangsa Melayuku” mengkritik manifesto PH. Memetik Mat Kilau, ia menyeru “kebangkitan orang Melayu”.

c) Ancaman 13 Mei

Pemantauan juga mendapati apa yang kelihatan sebagai percubaan yang diselaraskan dengan baik dan berbayar di media sosial untuk menimbulkan ketakutan dan kebencian anti-DAP dan anti-Cina, terutamanya menjelang hari mengundi. Hantaran berapi-api, yang kebanyakannya di TikTok, mendorong agenda anti-DAP sambil menyeru mengundi PN.

Hantaran ini menunjukkan trend²⁵ yang termasuk penulisan semula sejarah 13 Mei, termasuk dakwaan DAP adalah punca rusuhan kaum. Hantaran tersebut kemudiannya berkembang menjadi video yang mengandungi imej senjata, dengan mesej²⁶ yang memberi amaran kepada majoriti Melayu supaya berhati-hati dengan DAP dan PH. Mereka juga mengancam kembalinya pergolakan kaum ketika keadaan politik semakin tidak menentu.

Terdapat penglibatan ketara dalam isu ini di TikTok. Selain itu, hantaran tersebut menjadi tular di seluruh platform, terutamanya di Twitter. Pencipta kandungan muda kebanyakannya digunakan untuk menjana hantaran video ini dan warganet berkongsi kandungan ini bertujuan

25 https://twitter.com/prvtbutnotso/status/1594656161789521921?s=46&t=VaFaiQBxN5Hra_HHWQu19g

- Kompilasi imej pengguna TikTok menyebarkan ucapan kebencian (umum)

- akaun Twitter: RTU HARAPAN @prvtbutnotso

<https://twitter.com/bumilangit/status/1594666536152727552?s=46&t=OU1io8rD5hq4PGvV8Y7h4g>

- Kompilasi imej pengguna TikTok menyebarkan ucapan kebencian dan maklumat salah tentang 13 Mei 1969.

- Akaun Twitter: Zulfadzli @bumilangit

26 <https://twitter.com/bumilangit/status/1594666536152727552?s=46&t=OU1io8rD5hq4PGvV8Y7h4g>

untuk mewujudkan ketakutan, polarisasi kaum dan agama. Ada kalanya mereka menghasut keganasan secara terang-terangan. Terdapat dakwaan PN²⁷ telah mendapatkan bantuan profesional untuk menyelaraskan suapan media sosial ini.

d) Perjanjian Malaysia 1963 (MA63)

Data yang berkaitan dengan Sabah dan Sarawak agak kecil, iaitu hanya 1,052 mesej unik untuk Sabah, dan 1,674 bagi Sarawak. Jumlah yang rendah ini mungkin sebahagiannya disebabkan oleh skop kajian kami yang terhad, yang hanya menjelak lima pelaku politik dari Sarawak dan dua dari Sabah. Bagi Sabah dan Sarawak, tumpuan bukan kepada hak kaum atau peribumi tetapi MA63 (70 hantaran dengan tahap parah yang rendah). Hantaran mengenai kedua-dua negeri ini menyaksikan peningkatan selepas hari pengundian, yang berhubung cadangan Anwar kepada Gabungan Rakyat Sabah (GRS) untuk menyertai kerajaan perpaduan.

Turut boleh dikatakan ahli politik di Malaysia Timur lebih tertumpu pada kempen di lapangan berbanding media sosial.

e) Sasaran yang tidak ketara terhadap kaum India

Walaupun hantaran berunsur kaum menjangkau jumlah tertinggi, namun terdapat sedikit data mengenai kaum India dan politik masyarakat India. Cuma 616 mesej unik dikesan, yang kebanyakannya merupakan hantaran yang mendakwa ada kaitan dengan Harimau Pembebasan Tamil Eelam Sri Lanka.

Kami menjangkakan kematian anggota bomba Muhammad Adib Mohd Kassim berikutnya rusuhan 2018 di sebuah kuil Hindu akan jadi ketara dalam tempoh pemantauan. Namun ianya tidak berlaku, malah sekadar disebut tentang mengapa kes tersebut tidak diselesaikan.

Keparahan

Dari pada semua isu yang dipantau, hantaran mengandungi isu kaum mempunyai jumlah paling banyak dengan tahap parah yang tinggi. Ia mempunyai 53 hantaran Tahap 3 (paling tinggi dalam semua isu) dan empat hantaran Tahap 4 (rujuk Jadual 7).

Video TikTok 13 Mei yang dimuat naik sekitar 19 November, dekat dengan hari keputusan pilihan raya diumumkan, memberi pengaruh besar melalui perkongsian dan ulangan. Beberapa pengguna muda TikTok yang berkongsi kandungan 13 Mei membawa label “Perkongsian Berbayar”, sekali gus menjadi bukti bahawa kandungan mereka telah ditaja walaupun masih tidak diketahui siapa penajanya.



TikTok, 25 November, 2022

27 How Political Parties Used TikTok in the 2022 Malaysian General Election <https://www.rsis.edu.sg/rsis-publication/rsis/how-political-parties-used-tiktok-in-the-2022-malaysian-general-election/#.ZC-pDffmgWM>

Ucapan kebencian sebagai tindak balas terhadap hantaran PH dicetuskan terutamanya oleh kenyataan Nga Kor Ming dari DAP, yang antara lain menyatakan Malaysia akan menjadi seperti Taliban jika PAS memerintah.

Jadual 7. Kaum: Tahap Parah dan Jenis Hantaran


TAHAP PARAH	JENIS HANTARAN				JUMLAH HANTARAN
	Hantaran Sendiri	UGC	Disebut		
Tahap 1	988	34,560	18,461	54,009	
Tahap 2	80	6,876	5,055	12,011	
Tahap 3	2	36	15	53	
Tahap 4	0	3	1	4	
Jumlah	1,070	41,475	23,532	66,077	

Platform

Majoriti hantaran mengenai kaum ditemukan di Facebook dan Twitter (rujuk Jadual 8). Untuk kandungan di TikTok, hantaran mengenai kaum mempunyai jumlah tertinggi iaitu 468.

Video TikTok Hadi mengenai calon Melayu DAP yang digunakan oleh parti itu telah menghasilkan keterlibatan tertinggi di semua platform, hampir 2.5 juta dalam kiraan keterlibatan. Ia mempunyai kiraan keterlibatan merentas platform yang berbeza:

Carta 1



Selain daripada video Hadi, Mat Kilau juga menonjol di TikTok. Ia digunakan untuk mewakili konsep ketuanan Melayu dan keperluan untuk mempertahankan kedudukan Melayu dan Islam. Ini kemudiannya digunakan oleh pencipta kandungan muda untuk menjana di TikTok. Hantaran mengenai Mat Kilau tidak menjana ucapan kebencian walaupun ia bersifat perkauman.

Jadual 8. Kaum: Jumlah Hantaran dan Platform

	Facebook	TikTok	Twitter	YouTube	Jumlah Hantaran
KAUM	42,733	468	23,686	46	66,933

CIB

Kebanyakan aktiviti CIB berada di bawah kategori hantaran berunsurkan kaum, dengan 1,458 akaun, atau 49.83%, atau hampir separuh daripada semua CIB diperhatikan projek pemantauan.

4.2.2 Agama

Hantaran berkaitan agama mempunyai bilangan kedua tertinggi antara lima isu, iaitu sebanyak 24,484 hantaran (rujuk Jadual 4).

Pelaku

Tidak menghairankan apabila PAS, Hadi dan lidah parti Harakah mendominasi naratif, sama ada dalam hantaran mereka sendiri, UGC atau disebut.

Hadi sahaja mempunyai 121 hantaran sendiri. Berada di tempat kedua di bawah kategori ahli politik, Anwar cuma 20 hantaran sendiri tetapi mempunyai kesan yang tinggi, dengan 1,535 UGC. Hantaran Hadi muncul secara konsisten di seluruh akaun peribadinya di semua platform, serta di akaun PAS dan Harakah Daily. KOL seperti Firdaus dan Isma Aminuddin Yahaya juga mempunyai keterlibatan yang tinggi pada hantaran mereka sendiri.

Perlu diingat bahawa Muda, sebuah parti politik baharu, berada di tempat ketiga dari segi hantaran sendiri yang menjana komen mengenai agama. Daripada 38 hantaran sendiri, 36 berada pada Tahap 1, dan dua pada Tahap 2. Muda juga menonjolkan isu-isu lain mengenai institusi diraja, jantina dan LGBTIQ, selain warga asing. Semua hantaran sendiri mereka berada di Tahap 1.

Terdapat lonjakan ketara dari segi jumlah mesej dan keterlibatan di media sosial berhubung hantaran TikTok Hadi pada 22 Oktober tentang “Mengapa PAS tolak PH”. Peningkatan juga dilihat antara 11 dan 13 November yang diakibatkan oleh video Jamal Abdillah, Zul Huzaimi, dan Shukri Shaari dari Pemuda PAS yang melobi mahukan undi orang Islam.

Isu

a) Mempertahankan Islam dan undang-undang syariah

Islam dipergunakan untuk meniupkan ketakutan Melayu Islam. Tumpuan acap kali berkisar kepada keperluan undang-undang syariah, dan sehubungan itu, juga Hukum Hudud²⁸ [28] dan desakan kontroversi Rang Undang-Undang 355 (RUU355)²⁹ yang dilihat sebagai kunci untuk menegakkan prinsip Islam di Malaysia. Ia seiring dengan tuduhan terhadap DAP sebagai ateis dan anti-Islam.

²⁸ Merujuk kepada undang-undang Islam atau hukuman al-Quran. Ia merangkumi pelbagai jenayah dan mengandungi hukuman seperti rejam untuk zina, sebat untuk pengguguran dan potong tangan untuk kesalahan mencuri.

²⁹ Rang undang-undang persendirian yang dibawa oleh Presiden PAS Abdul Hadi Awang pada 2016 untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 bagi memberi kuasa lebih besar kepada mahkamah syariah.

Bagaimanapun, perlu diingat bahawa tidak ada hantaran khusus oleh Hadi, PAS atau Harakah Daily yang memanfaatkan RUU355 sepanjang kempen pilihan raya. Liputan media mengenai RUU355 juga tidak ketara. Topik ini kebanyakannya muncul dalam UGC yang berasal daripada bukan pelaku.

Pemantauan kami turut menemui naratif yang menggambarkan beberapa ahli politik sebagai pembela Islam. Terdapat juga kenyataan yang mendakwa jika tidak mengundi PAS atau PN bermakna tidak Islamik atau pengundi itu mungkin “masuk neraka”.

b) Sentimen anti-LGBTIQ

Terdapat pertembungan yang ketara antara agama, jantina dan LGBTIQ.

Golongan LGBTIQ diserang dan dilemahkan dengan menggunakan agama. LGBTIQ dilihat sebagai menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran Islam. Pengukuhan hantaran ini dilakukan oleh pelaku tertentu, khususnya Harakah Daily dan Merdeka Times serta KOL. (lihat lebih lanjut di bahagian jantina dan LGBTIQ di bawah)

c) Serangan terhadap Yahudi dan Kristian

Menjelang penghujung tempoh kempen, video Muhyiddin menjadi tular. Beliau mendakwa sekumpulan Yahudi dan Kristian, melalui dakwah, merancang agar PH memerintah Malaysia. Bagaimanapun, keterlibatan pada video ini rendah dan tiada peningkatan dalam tahap parah. Malah, pengguna media sosial, termasuk dari Sabah dan Sarawak, menafikan dan mendakwa ia maklumat yang salah.

d) Akhlak awam

Calon wanita didesak menutup aurat termasuk mengenakan tudung sepanjang tempoh berkempen. Agama sering digunakan sebagai alasan untuk itu. Terdapat juga lonjakan dalam hantaran pada hari pengundian dengan dakwaan bahawa pengambilan alkohol dan judi akan berleluasa jika DAP berkuasa. Ini digunakan untuk menegaskan bahawa jika DAP berada dalam kerajaan, ia tidak akan menegakkan nilai-nilai Islam.

e) Penggunaan KOL untuk menguatkan pemesesan

Dalam beberapa keadaan, selebriti atau KOL digunakan untuk menguatkan pemesesan utama berkaitan agama, termasuk melalui peluasan rentas platform. Ini jelas dengan dua video tular. Dalam satu video, penyanyi Jamal Abdillah menggesa pengundi menolak DAP, mencetuskan kebimbangan bahawa azan akan dihadkan dan sekolah tahfiz ditutup jika PH membentuk kerajaan. Dalam video lain, pelakon Zul Huzaimy berkata pada perhimpunan PAS dia menyimpan hasrat untuk “sembelih kafir harbi” dan hanya undang-undang yang menghalangnya daripada bertindak sedemikian.

Dua lagi pelaku yang kami pantau, Firdaus dan Dr Rafidah, tidak langsung merujuk antara satu sama lain tetapi mereka kerap menguatkan mesej yang menjunjung prinsip dan undang-undang Islam. Mereka juga memilih dua CSO, iaitu Justice for Sisters dan Sisters in Islam sebagai pro-LGBTIQ dan anti-Islam.

Prof Dr Rafidah Hanim Mokhtar
3 November 2014 ·

SISTER IN ISLAM

SIS ada banyak kesilapan yang telah dibetulkan oleh ramai pihak tetapi SIS tidak mengendahkan teguran-teguran tersebut. Begitu banyak kertas kerja dan buku telah ditulis memperbetulkan fahaman mereka.

SIS membuat banyak fakta yang bershalangan dengan asas Islam, dan oleh kerana SIS didokong oleh media yang menyokong gagasan agama dipinggirkan dari norma kehidupan manusia seperti Malaysiakini, MalayMail Online, Free Malaysia Today, Malaysian Insider dll, maka banyak silap faham itu lebih luas tersebar kepada masyarakat.

Saya secara peribadi menyokong gesaan agar SIS Forum Berhad difatwakan haram oleh MAIS dan Jabatan Mufti Selangor.

Antara tulisan dan pemperbetulan Wanita ISMA terhadap fakta menyeleweng yang telah disampaikan SIS:

1. <http://www.ismaweb.net/.../membetulkan-kesilapan-fakta.../>
2. <http://www.ismaweb.net/.../wanita-isma-be-fair-to-our.../>
3. <http://www.ismaweb.net/.../perkahwinan-di-usia-muda-atau.../>

Dalam artikel 2 dan 3, SIS senada dengan gerakan hak asasi wanita seperti JAG dengan mengharamkan apa yang telah dihalalkan iaitu gesaan agar umur minimum perkahwinan dinaikkan ke umur 18 tahun dan membantah campurtangan Mahkamah Syariah dalam kes-kes sebegini.

Firdaus Wong Wai Hung
4 November 2022 ·

Akaun meddos TMJ & saya antara akaun meddos yang akan dipantau oleh Centre for Independent Journalism (CIJ) serta Sisters In Islam (SIS) sepanjang #pru15 kerana berpotensi untuk 'hate speech'?

Allah Ar-Raqib (Yang Maha Mengawasi) memadai untuk orang beriman.

https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=10159912880939519&id=93398319518

Sisters In Islam
42 m ·

Kita akan memantau 96 akaun media sosial dari empat platform, iaitu Facebook, Twitter, Youtube dan TikTok. Akaun-akaun ini termasuklah yang dikendalikan oleh parti-parti dan orang politik penting dari UMNO, PKR, MUDA, DAP, mantan perdana menteri Najib Razak, perdana menteri sementara Ismail Sabri, dan Police Diraja Malaysia (PDRM). Kita juga akan memantau akaun media sosial yang dimiliki oleh pihak media dan tokoh-tokoh berpengaruh dalam masyarakat seperti Berita Harian, Sin Chew Daily, The Star, Malaysiakini, Tengku mahkota Johor, dan agamawan popular Firdaus Wong. Malahan juga, corak Perilaku Palsu Terancang (Coordinated Inauthentic Behaviours, CIB) seperti bot dan laskar siber akan turut dipantau. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang analisa awal daripada projek perintis Pemantauan Media Sosial yang dijalankan antara 16 Ogos sehingga 30 September, sebelum parlimen dibubarkan, kepada portal kami.

Facebook, 3 dan 4 November, 2022

f) Tumpuan tidak ketara terhadap perkahwinan kanak-kanak dan tukar agama secara sepihak kepada Islam

Kami dapati tiada kumpulan politik menumpukan perhatian kepada isu-isu ini sebagai sebahagian daripada agenda politik mereka.

Keparanhan

Banyak hantaran berada di Tahap 1 (20,315) dan Tahap 2 (3,545). Komen yang tidak berperikemanusiaan atau bermusuhan berada pada tahap rendah. Terdapat lapan hantaran Tahap 3 dan dua hantaran Tahap 4 (rujuk Jadual 9).

Naratif PAS kebanyakannya positif. Parti itu dirujuk sebagai "Islam, bersih dan stabil". Saingan politik mereka sama ada diejek atau diserang. Namun begitu, terdapat istilah yang merujuk PAS sebagai "Parti Pak Lebai³⁰".

UGC PH lebih tumpul. Gabungan itu disifatkan sebagai anti-Islam kerana mempunyai DAP dalam parti komponennya selain digambarkan sebagai menyokong murtad, ateis, LGBTIQ dan liberal. Harakah Daily melabel PH sebagai gabungan "komunis" yang akan ditolak pengundi.

³⁰ Shahrin Aizat Noorshahrizam, "Azmin came up with 'Pak Lebai' first, Zahid tells PAS", 23 October 2022, <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2022/10/23/azmin-came-up-with-pak-lebai-first-zahid-tells-pas/35200>

Jadual 9. Agama: Tahap Parah dan Jenis hantaran

TAHAP PARAH	JENIS HANTARAN				JUMLAH HANTARAN
	Hantaran Sendiri	UGC	Disebut		
Tahap 1	508	13,114	6,693	20,315	
Tahap 2	70	2,084	1,391	3,545	
Tahap 3	1	5	2	8	
Tahap 4	0	1	1	2	
Jumlah	579	15,204	8,087	23,870	

Platform

Hantaran kebanyakannya di Facebook dan Twitter namun kandungan di TikTok dengan jumlah 445, juga penting.

Percubaan yang diselaraskan dan berbayar untuk mencetuskan ketakutan dan kebencian anti-DAP dan anti-Cina melalui hantaran yang menghasut kebanyakannya ditemui di TikTok.

Jadual 10. Hantaran Berkait Agama dan Platform

	Facebook	TikTok	Twitter	YouTube	Jumlah
AGAMA	15,284	445	8,710	45	24,484

CIB

Terdapat 1,138 hantaran CIB mengenai agama, iaitu hampir 40% daripada jumlah hantaran CIB. Walaupun kehadiran CIB jelas di bawah agama, ia tidak memberi kesan terhadap naratif. CIB, dalam kategori ini, tidak penting dalam menjana UGC dan tidak memainkan peranan untuk menguatkan ucapan kebencian, tidak seperti komen daripada pengguna media sosial biasa. Apabila merujuk silang data CIB dengan parti politik, kami dapat PAS paling tinggi (70), diikuti Umno (13). CIB ini kebanyakannya pro-BN, berdasarkan serangan yang diselaraskan ke atas PN dan PH.

4.2.3 Institusi Diraja

Hantaran berkait institusi diraja menduduki tempat ketiga dari segi jumlah (14,320), berbanding isu-isu lain (rujuk Jadual 4).

Pelaku

Hantaran sendiri berkait institusi diraja mempunyai bilangan yang agak rendah. Jumlahnya rendah walaupun bagi Tunku Mahkota Johor yang mendahului kategori KOL. Seperti isu lain, ahli politik mendominasi peringkat teratas jumlah hantaran.

Anwar merupakan pelaku yang menyerlah dengan bilangan terbanyak iaitu 3,490. Najib, walaupun berada dalam penjara, berjaya menarik jumlah kedua tertinggi dengan 1,510.

Jadual 11. Institusi Diraja: 5 Pelaku Utama

PELAKEU	KATEGORI	JUMLAH HANTARAN DIPROSES
Parti Keadilan Rakyat - Anwar Ibrahim	Ahli Politik	3,490
Umno - Najib Razak	Ahli Politik	1,510
Parti Islam Se-Malaysia	Parti Politik	1,430
Bersatu - Muhyiddin Yassin	Ahli Politik	1,313
Malaysian United Democratic Alliance	Parti Politik	1,230

Isu

a) Peranan utama institusi diraja diperkuukuh

Terdapat peningkatan ketara dalam hantaran berkaitan institusi diraja selepas pilihan raya, terutama menjelang pelantikan Anwar sebagai perdana menteri pada 24 November. Hantaran-hantaran ini dibuat selepas Yang di-Pertuan Agong mahukan kerajaan perpaduan. Mereka terutamanya positif dan menyokong campur tangan Agong dalam memastikan kestabilan negara.

Dalam tempoh sama, terdapat juga peningkatan dalam bilangan UGC yang mengkritik Muhyiddin kerana tidak menyertai kerajaan perpaduan. Keputusannya disifatkan sebagai “derhaka” terhadap Agong yang menyeru kepada perpaduan dan kestabilan.


b) Kritikan terhadap institusi diraja

Laporan media mengenai penahanan seorang netizen pada 23 November kerana didakwa mengugut institusi diraja dengan hantaran yang mengatakan, “bunuh mereka demi demokrasi” mencetuskan serangan teruk terhadap warganet.

Beberapa UGC Tahap 1 yang memberi tumpuan kepada gaya hidup mewah golongan diraja mempunyai penglibatan yang hampir tidak penting.

Peningkatan tertinggi dalam bilangan hantaran pada 24 November boleh dikaitkan dengan peranan Agong dalam pelantikan Anwar sebagai perdana menteri. Hantaran itu (462) kebanyakannya adalah UGC dan disebut dalam hantaran media, dengan ulasan yang umumnya positif terhadap institusi diraja.

Carta 2



Keparahan

Kebanyakan tahap parah hantaran berada pada Tahap 1 dan 2, dengan hanya 19 di Tahap 3 (rujuk Jadual 12). 19 hantaran Tahap 3 bukan menentang royalti tetapi terhadap pelaku lain. Sebagai contoh, hantaran yang dimuat naik daripada laporan berita Muhyiddin pergi ke Istana Negara selepas pilihan raya mengkritik beliau kerana tidak menghormati seruan Agong agar parti-parti politik membentuk kerajaan perpaduan. Sasaran ucapan kebencian di bawah subkategori ini bukanlah institusi diraja tetapi Muhyiddin.

Jadual 12. Institusi Diraja: Tahap Parah dan Jenis Hantaran

TAHAP PARAH	JENIS HANTARAN				JUMLAH HANTARAN
	Hantaran Sendiri	UGC	Disebut		
Tahap 1	596	9,204	3,196		12,996
Tahap 2	12	630	289		931
Tahap 3	0	19	0		19
Tahap 4	0	0	0		0
Jumlah	608	9,853	3,485		13,946

Platform

Kebanyakan hantaran ditemukan di Facebook dan Twitter.

Apabila menapis kata kunci “derhaka”, Twitter mempunyai keterlibatan tertinggi dengan 396 mesej.

Jadual 13. Institusi Diraja: Platform

INSTITUSI DIRAJA	Facebook	TikTok	Twitter	YouTube	Jumlah
	10,078	81	4,113	48	14,320

CIB

CIB untuk institusi diraja adalah rendah, kurang daripada 5%, atau 134 hantaran.

4.2.4 Jantina dan LGBTIQ

Daripada kesemua lima isu, jantina dan LGBTIQ mempunyai bilangan hantaran media sosial kedua terendah dengan 7,596 (rujuk Jadual 4).

Pelaku

Bagi organisasi media baharu, Merdeka Times paling menonjol, dengan jumlah hantarannya sendiri yang tertinggi (64), mendahului parti dan ahli politik, selain media mapan lain. PAS berada di tempat kedua dengan 40 hantaran, diikuti pakar strategi Merdeka Times dan KOL Firdaus (39). Firdaus dan PAS menonjol bukan sahaja dalam hantaran mereka sendiri tetapi juga dalam UGC dan disebut oleh pengguna media sosial.

Jadual 14: Jantina dan LGBTIQ: 5 Pelakon Terbaik

PELAKU	KATEGORI	JUMLAH HANTARAN DIPROSSES
PKR - Anwar Ibrahim	Ahli Politik	1,135
Parti Islam Se-Malaysia	Parti Politik	1,000
Bersatu - Azmin Ali	Ahli Politik	766
Firdaus Wong Wai Hung	KOL	719
Democratic Action Party	Parti Politik	694

Terdapat lonjakan hantaran khusus mengenai LGBTIQ sepanjang tempoh pemantauan. Satu contoh apabila 37 hantaran dikesan sepanjang tempoh pemantauan yang menggelar Azmin sebagai “semburit”, istilah menghina untuk menggambarkan hubungan sejenis sesama lelaki. Satu lagi lonjakan pada 15 November dikaitkan dengan beberapa hantaran yang merujuk kepada Syed Saddiq sebagai “pondan”, istilah menghina untuk menggambarkan lelaki lembut.


Isu

a) Golongan LGBTIQ jadi sasaran

Pendapat dan hujah misoginis berdasarkan moral awam dan nilai Islam dijadikan senjata untuk menghasut kebencian terhadap komuniti LGBTIQ.

Komen mengenai LGBTIQ kebanyakannya bertujuan untuk memburukkan ahli politik, dengan Anwar dari PKR dan Azmin dari Bersatu menjadi sasaran utama dan kerap naik dan diebut dalam UGC. Hantaran-hantaran serupa itu mendakwa Anwar, PKR dan PH menyokong LGBTIQ dan akan memasukkan agenda LGBTIQ jika diundi untuk membentuk kerajaan.

Bersama Gabungan Pengundi Sedar, Firdaus dan Dr Rafidah merupakan penguat yang berkesan yang kerap membuat ciapan semula dan saling kongsi mengongsi hantaran masing-masing. Firdaus dan Dr Rafidah memetik perspektif undang-undang Islam untuk menangkis hujah LGBTIQ mempunyai hak yang sama. Mereka mendakwa seksualiti LGBTIQ adalah isu kesihatan mental dan menggunakan artikel daripada media Barat konservatif bagi menyokong pandangan mereka.



Twitter, 7 November 2022 dan TikTok 2 November 2022

Hantaran berkait LGBTIQ menyasarkan golongan gay dan transgender secara khusus, dengan hampir tiada kandungan khusus menyasarkan golongan lesbian.

Pada 29 Oktober lalu, polis dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) menyerbu pesta Halloween ratu pondan di Kuala Lumpur. Selepas itu, individu dan organisasi yang mewakili hak LGBTIQ menjadi sasaran dengan cara yang kelihatan diselaraskan, merentasi pelbagai platform seperti Facebook, Twitter dan TikTok. Aktivis Numan Afifi pantas menjadi sasaran dalam talian. Komen-komen terdiri daripada ucapan tahniah kepada pihak berkuasa atas serbuan dan penangkapan yang berkaitan, seruan untuk menghapuskan komuniti LGBTIQ, dan secara palsu mendakwa komuniti itu menyebarkan penyakit berjangkit.

No user info · Nov 25, 2022 23:55

LGBT ni lagi cepat mghalalkn azab allah pd ngra kita...kita masih belum ada bncana2 dasyat sperti gempa bumi, gunung brapi aktif dn sbgaiye...bila2 masa saje, jika allah kehendak, moga dijauhi bnc begini..pkra allah la knat, jgn la buat...riba yg allah istihar perang, dah blusa...sgat2 kita masih beruntung sbgai umat nabi muhammad..tetapi jgn lupa, allah sudah mberi amran..sma2 mnentang pkra yg jelas haram

Replying to @NumanAfifi

Kalau Malaysia aman makmur- bebas anasir LGBT terang2 terangan, apa yg ko expect? Klu sibuk hak asasi, cuba ko korek byk lg isu hak asasi manusia.. sorg2 sudah la dowk..

1 Retweet 3 Likes

Facebook, 25 November dan Twitter 31 Oktober, 2022

Hantaran Dr Rafidah, yang mengucapkan terima kasih kepada pihak berkuasa atas tindakan mereka, mencetuskan lebih banyak komen kebencian. Mengejutkan apabila ahli politik tidak mengulas mengenai berita serbuan itu. Cuma Charles Santiago dari DAP dan Pemuda Parti Sosialis Malaysia mengeluarkan kenyataan media yang mengecam tindakan pihak berkuasa.

30 October 2022

We thank authorities for taking these stern measures.

Malaysia's Islamic religious officers broke up a large Halloween party attended by the LGBT community and arrested 20 people for cross-dressing and allegedly encouraging vice, activists said Sunday.

Activist Numan Afifi who was among those arrested at the event in Kuala Lumpur late Saturday described the raid as "traumatising and harrowing".

"About 40 religious officers backed by the police came into the venue with some 1,000 participants, and they stopped the music and dance," he told AFP.

Numan said authorities divided party-goers into two groups -- Muslims and followers of other faiths.

Subsequently, 20 Muslims were taken to the Federal Territories Islamic Religious Department where "our identity details were recorded".

"Some were alleged to have committed offences under cross-dressing while others, including me, for encouraging vice," Numan said.

All 20 were released a few hours later but are required to return next week for questioning.

Facebook, 30 Oktober, 2022

b) Stereotaip jantina

Beberapa hantaran menjadi pengawal dan mengobjekkan calon wanita dan tokoh masyarakat, menyebabkan badan mereka dihina (body shaming) selain mendapat kata-kata menghina. Sebagai contoh, calon bebas dan pempengaruh media sosial Nur Fathiah Syazwana Shaharuddin (dikenali sebagai Cleopatra) dan anak perempuan Najib, Nooryana diarah “menutup aurat” atau mengenakan skaf.

Rina Harun dari Bersatu and Nurul Izzah dari PKR dihina sebagai “gemuk”, manakala Yeoh dari DAP digelar sebagai “betina gharik” dan Young Syefura juga dari DAP digelar sebagai “betina Melayu pengkhianat”.


Tumpuan terhadap penampilan wanita menarik perhatian ramai berbanding kebolehan, kepakaran atau tindakan mereka, dan boleh mempengaruhi pengundi untuk menganggap wanita sebagai kurang berwibawa atau tidak lengkap sebagai penjawat awam. Naratif kebencian berasaskan seksis dan jantina yang lazim ini menjelaskan peranan wanita dalam politik, dan mengehadkan hak wanita dalam arena politik.



Twitter, 13 November, 2022

Menteri Besar Kedah Muhammad Sanusi Md Nor, dalam video TikTok seksis, turut memperlekeh dan merendahkan martabat calon wanita di Sik dengan mengatakan mereka bukan pemimpin yang cekap atau berkebolehan. Media kemudian melaporkan sokongan Azmin terhadap kenyataan Sanusi, sekali gus menguatkan seksisme. Penggunaan “betina” tidak dianggap menghina di Kedah, tetapi nada dan kandungan kenyataan Sanusi membawa maksud mendiskriminasi dan memperlekehkan wanita.

Selain itu ahli politik lelaki turut menjadi mangsa hina tubuh badan tetapi pada tahap yang lebih rendah. Contohnya, Tengku Adnan Tengku Mansor, lebih dikenali sebagai Ku Nan (gemuk) dan Khairy Jamaluddin (gelap). Hantaran yang merujuk kepada Syed Saddiq sebagai “pondan” menjelaskan kredibilitinya sebagai pemimpin politik.



Facebook, 29 Oktober 2022

c) Jantina dan kerakyatan

Pemantauan kami menemukan beberapa rujukan khusus mengenai hak wanita Malaysia mendapatkan hak kerakyatan anak yang dilahirkan di luar Malaysia oleh bapa bukan warganegara, sebagai salah satu topik pilihan raya.

Keparahan

Jantina dan LGBTIQ mempunyai bilangan hantaran paling sedikit dengan skala parah di Tahap 3 dan 4. Kebanyakannya berada di Tahap 1 (4,089) dan Tahap 2 (4,212). (Rujuk Jadual 15).

Hantaran Tahap 1 dan 2 menggesa penggunaan keganasan, khususnya terhadap golongan LGBTIQ, termasuk menyeri “sula”, “kasi pancing” dan “kasi libas”, antara lain .

Jadual 15. Isu Jantina/ LGBTIQ - Tahap Parah dan Jenis Hantaran

TAHAP PARAH	JENIS HANTARAN				JUMLAH HANTARAN
	Hantaran Sendiri	UGC	Disebut		
Tahap 1	215	2,752	1,122		4,089
Tahap 2	106	2,592	1,514		4,212
Tahap 3	0	4	2		6
Tahap 4	0	0	0		0
Jumlah	321	5,348	2,638		8,307

Platform

Dua pertiga daripada semua hantaran mengenai isu ini ditemukan di Facebook, diikuti Twitter pada 31.9% (rujuk Jadual 16).

Jadual 16. Isu dan Platform Jantina/LGBTIQ

	Facebook	TikTok	Twitter	YouTube	Jumlah
JANTINA DAN LGBTIQ	5,038	121	2,427	10	7,596

CIB

Terdapat 81, atau 27.68%, hantaran CIB yang dikenal pasti di bawah jantina dan LGBTIQ, iaitu hanya melebihi suku. Kebanyakan daripadanya merujuk kepada video dan gambar seks yang didakwa sebagai Anwar dan Azmin. Ia sering dikongsi oleh CIB.

4.2.5 Warga asing

Daripada lima isu, hantaran media sosial berkaitan warga asing paling sedikit dengan 3,819 (rujuk Jadual 4).

Pelaku

Salah satu pelaku yang terkenal ialah Jabatan Imigresen. Ia mendapat bilangan UGC tertinggi dalam isu itu dengan 785. Jabatan tersebut mempunyai 63 hantaran sendiri, yang tertinggi dalam kalangan semua pelaku. Ini boleh difahami, memandangkan jabatan itu merupakan lidah rasmi kerajaan dalam isu warga asing.

Satu lagi pelaku terkenal ialah PAS, yang menduduki tempat kedua dalam UGC (320) dengan hantaran sebanyak 13. PAS mempunyai hantaran terbanyak dalam isu ini berbanding semua parti politik.

Jadual 17. Warga Asing: 5 Pelaku Utama

PELAKU	KATEGORI	JUMLAH
Jabatan Imigresen Malaysia	Kerajaan	958
PAS	Parti Politik	500
Friends of Immigration	KOL	292
Berita Harian Online	Media	276
MUDA	Parti Politik	248


Isu

a) Xenofobia dan sasaran terhadap warga asing

Gambaran negatif kedua-dua komuniti ini konsisten sejak beberapa tahun kebelakangan ini, termasuk menjelang pilihan raya. Kebanyakan hantaran menyemai kebencian dengan mendakwa komuniti ini mengancam keselamatan negara dan keselamatan pekerjaan rakyat Malaysia.

Pemantauan mendapati perbualan di media sosial membawa kepada pertuturan kebencian yang meningkat, termasuk contoh dedah maya (*doxing*) dan hasutan keganasan. Bagaimanapun, pemantauan kami tidak menemui usaha jelas untuk menggunakan isu ini sebagai sebahagian daripada sebarang agenda politik.

Kami dapat lonjakan ucapan kebencian terhadap warga asing sering dicetuskan oleh hantaran berulang Jabatan Imigresen yang menggalakkan orang ramai melaporkan pekerja asing tanpa izin melalui talian khidmat pelanggannya. Hantaran dan serbuan jabatan itu mengakibatkan komen benci, termasuk seruan untuk “pemusnahan”, dan *doxing* di mana maklumat perhubungan pekerja asing didedahkan di media sosial.



Facebook, 25 November, 2022

Kami merekodkan peningkatan serangan dalam talian pada 28 Oktober, dan pada 5, 12 dan 24 November, berikutan sama ada hantaran media sosial jabatan atau serbuan Ops Dandan, Ops Kedah dan Ops Gebeng.

Sentimen xenofobia dan antiwarga asing juga terbukti dalam wawancara dengan Ganabatirau Veraman dari DAP apabila beliau bercakap mengenai pekerja asing di Pasar Meru.

b) Tanpa negara

Jumlah hantaran mengenai kanak-kanak tanpa kerakyatan di Sabah, dan mengenai dakwaan BN mengeluarkan dokumen pengenalan kepada bukan warga Malaysia untuk meraih undi, adalah tidak penting semasa pemantauan kami.


Kami juga mendapati Dayak Daily dan Borneo Post tidak memperbesarkan isu rakyat tanpa negara di Sabah.

Keparahan

Dengan 3,819, jumlah bilangan hantaran bagi warga asing adalah rendah berbanding isu-isu lain (rujuk Jadual 4). Namun, mereka menghasilkan bilangan tertinggi hantaran Tahap 4 dengan kesemua 28 hantaran tersebut adalah UGC (rujuk Jadual 18).

Hantaran sendiri Jabatan Imigresen di Facebook hanya berada di Tahap 1 dan 3, dan oleh itu tidak mengundang ucapan kebencian. Bagaimanapun, hantaran pentadbir halaman sendiri menggalakkan orang ramai membuat aduan aduan dan memberi maklumat mengenai keberadaan pelarian dan pekerja asing. Sebagai tindak balas, beberapa UGC berkongsi nombor telefon dan lokasi warga asing yang mereka syak tiada dokumen. Hantaran ini telah didaftarkan sebagai *doxing* dan dilaporkan sedemikian di bawah platform masing-masing.

Beberapa contoh UGC yang ditandakan sebagai Tahap 4 mengandungi seruan jelas untuk kecederaan fizikal, kerosakan atau kematian: “letak je pagar elektrik voltan”; “cabut kuku”; “tembak sampai mati”; dan “tembak je”.



Facebook, 21 Oktober-5 November, 2022

Jadual 18. Warga Asing: Tahap Parah dan Jenis Hantaran

TAHAP PARAH	JENIS HANTARAN			
	Hantaran Sendiri	UGC	Disebut	JUMLAH HANTARAN
Tahap 1	122	2,052	507	2,681
Tahap 2	12	578	237	827
Tahap 3	1	17	6	24
Tahap 4	0	28	0	28
Jumlah	135	2,675	750	3,560

Platform

Kebanyakan hantaran tentang isu ini ditemukan di Facebook dengan sejumlah 2,969 hantaran, diikuti Twitter dengan 770 (rujuk Jadual 19). Majoriti hantaran Tahap 3 dan 4 adalah UGC di halaman Facebook Jabatan Imigresen, halaman komuniti Friends of Immigration, dan halaman Berita Harian dan Sinar Harian.

Jadual 19. Warga Asing: Jumlah Hantaran dan Platform

	Facebook	TikTok	Twitter	YouTube	Jumlah
WARGA ASING	2,969	73	770	7	3,819

CIB

Hantaran CIB berjumlah 115, atau 3.93%, kiraan terendah antara semua isu.

4.3 CIB

Kami mengenal pasti 2,623 mesej dihantar oleh akaun CIB. Ini membentuk 2.63% daripada jumlah mesej unik sebanyak 99,563. Kebanyakan aktiviti CIB dijumpakan di Twitter (1,642 hantaran), dan kebanyakan aktiviti CIB tertumpu kepada kaum (1,458 siaran) dan agama (1,138 hantaran).

Penemuan kami mengesahkan kembali kesimpulan penyelidikan lain tentang percubaan untuk mengawal naratif awam semasa pilihan raya di Malaysia. Menurut Oxford Internet Institute (OII)'s Industrialized Disinformation: 2020 Global Inventory of Organised Social Media Manipulation, kedua-dua bot dan laskar siber digunakan untuk mempengaruhi landskap maklumat dalam pilihan raya Malaysia. Diterbitkan pada Januari 2021, kajian kes Laporan OII mengenai Malaysia³¹ mendapati penggunaan CIB dilaporkan seawal pilihan raya 2008. Dalam kajian lain, imbasan mesin oleh Makmal Penyelidikan Forensik Digital mengenal pasti 17,000 bot menyasarkan PH di Twitter menjelang pilihan raya umum 2018.³²

Walaupun bilangan hantaran oleh akaun CIB kurang daripada 10% berbanding jumlah bilangan mesej unik dalam projek pemantauan kami, 2,623 siaran masih merupakan jumlah yang ketara memandangkan kami cuma memantau lima isu.

Proses kenal pasti akaun CIB untuk projek ini berdasarkan beberapa peraturan³³. Bagaimanapun, sukar untuk membezakan antara bot dan laskar siber di Facebook, TikTok dan YouTube. Pemantau menggunakan Botometer³⁴ bagi menentukan akaun dengan tingkah laku bot di Twitter. Disebabkan had ini, kami mentakrifkan bot dan gelagat laskar siber sebagai aktiviti CIB. Pemantau juga mengiktiraf CIB dengan melihat nama pengguna akaun yang pelik atau panjang. Sesetengah akaun menggunakan nama ahli politik sebagai nama pengguna tetapi pemeriksaan lanjut mengenal pasti akaun ini sebagai CIB.

31 Bradshaw, S., Campbell-Smith, U., Henle, A., Perini, A., Shalev, S., Bailey, & Howard, P.N. (2021) Country Case Studies Industrialized Disinformation: 2020 Global Inventory of Organized Social Media Manipulation, p. 250 - 258. https://demtech.ox.ac.uk/wp-content/uploads/sites/12/2021/03/Case-Studies_FINAL.pdf

32 #BotSpot: Bots Target Malaysian Elections (2018). DFRLab. Diperoleh daripada <https://medium.com/dfrlab/botspot-bots-target-malaysian-elections-785a3c25645b>

Diakses pada 6 April 2023

33 Rujuk Bab 2, m/s 14 laporan bertajuk 'Rules in determining inauthentic accounts'.

34 Botometer menyiasat aktiviti akaun Twitter dan memberikan skor. Markah yang lebih tinggi menunjukkan lebih banyak aktiviti seperti bot. Pautan: <https://botometer.osome.iu.edu/>

4.3.1 CIB, pelaku dan isu

Kebanyakan akaun CIB menyebut ahli politik seperti Rafizi, Anwar, Ismail Sabri dan Muhyiddin dalam jumlah 2,002 hantaran dan tweet. Akaun utama yang dikenal pasti sebagai CIB ialah Ayahanda MD, BossBM, TeamBossKu, Kuli Keng dan KroniRakyat. Kebanyakan akaun ini telah diaktifkan beberapa bulan dan bahkan bertahun-tahun sebelum PRU15. Tetapi mereka mula aktif semasa tempoh kempen pilihan raya dan sedikit selepas tempoh pengundian tamat.

Akaun ini menandakan ahli politik, parti politik dan satu sama lain di bawah tweet dan siaran yang sama. Alur perbincangan mengenai agama dan bangsa menunjukkan bahawa akaun tertentu, seperti AyahandaMD, TeamBossku dan Bossbm, berinteraksi antara satu sama lain.



AyahandaMD ✅

twitter.com Public Topic • Oct 28, 2022 16:22

Tweeted

Patutlah jutaan warga cina hilang tdk dpt diksn ketika PH menerajui negara rupanya banyak tawaran spt ini dibuat oleh pemimpin PH kpd warga asing. Tindakan PH ini bkn sahaja merugikan org melayu tetapi kpd semua anak kelahiran my tdk mengira kaum! @umnoonline @Alamurni @zlk69 https://t.co/jwZBWCmS9F

Translate ▾



Bossbm ✅

twitter.com Public Comment • Oct 28, 2022 16:24

RT @Ayahanda_MD: Patutlah jutaan warga cina hilang tdk dpt diksn ketika PH menerajui negara rupanya banyak tawaran spt ini dibuat oleh pem...
Translate ▾



Bossbm ✅

twitter.com Public Comment • Oct 28, 2022 16:24

@Ayahanda_MD @umnoonline @Alamurni @zlk69 @bossku_team @fikhwanBait @RameshRaoAKS @MakkalSaktiOrg @hamimahothman4 @romonicastro @NikYahya2 @NazzirHussain @hanifhanif88 Dah gila apa? Korming Ni..
Pondan kaki block..
Translate ▾

Twitter, 28 Oktober, 2022



TeamBossku #SokongBN Dulu, Kini & Selamanya. ✅

twitter.com Public Comment • Nov 05, 2022 07:20

RT @nverquestionme: @bossku_team @miquelridzuan @SIFIRMUDAH @Ayahanda_MD @MuhyiddinYassin @umnoonline @Alamurni @Bossbm17 @fikhwanBait @zlk69 @RameshRaoAKS @BNrasmi @DrZahidHamidi @MakkalSaktiOrg @hamimahothman4 @romonicastro @Vandeeta3 @faththebee @CikSueCinta @ShaffieEmail Klu nk juk smula kne tggu slps PRU15
Rjuk awai? cnfrm trbongkar pekong PAS lg
DAP ni party trbuang
Dok mrempat sna sni for collaboration
Tp bila dpt kuasa, lu sapa wa sapa
Last? suma kne ikut kata DAP
Maka mlingkup la Melayu skali lg
MELAYU MUDAH LUPA!
Translate ▾



TeamBossku #SokongBN Dulu, Kini & Selamanya. ✅

twitter.com Public Comment • Nov 05, 2022 07:22

@nverquestionme @miquelridzuan @SIFIRMUDAH @Ayahanda_MD @MuhyiddinYassin @umnoonline @Alamurni @Bossbm17 @fikhwanBait @zlk69 @RameshRaoAKS @BNrasmi @DrZahidHamidi @MakkalSaktiOrg @hamimahothman4 @romonicastro @Vandeeta3 @faththebee @CikSueCinta @ShaffieEmail Saya dah cukup masak dgn perangai cina DAP ini. Depa cuba berbaik dgn kita bila nak minta sesuatu. Depa hidup bermuka2!!
Translate ▾



Bossbm ✅

twitter.com Public Comment • Nov 05, 2022 08:12

RT @nverquestionme: @bossku_team @miquelridzuan @SIFIRMUDAH @Ayahanda_MD @MuhyiddinYassin @umnoonline @Alamurni @Bossbm17 @fikhwanBait @zlk...
Translate ▾

Twitter, 5 November, 2022

Aktiviti CIB turut dikenal pasti di bawah hantaran yang diterbitkan oleh media seperti *Berita Harian* dan *Malaysiakini*.

No user info · facebook.com · Public · Comment · Oct 22, 2022 08:06
Commented
Vote OUT azmin frogs + pkr lgbt + dap= 🏳️🏳️🏳️🏳️ racist led PAKATAN HANCING only for c h i n e s e master party....a party with full of hatred & lies...winning the votes & power with slanders , mocking the people & more lies..a true enemy to our Malaysia democracy & peaceful multi racial country...
Translate ▾

No user info · facebook.com · Public · Comment · Oct 22, 2022 04:39
Commented
Vote OUT pkr lgbt + dap= 🏳️🏳️🏳️🏳️ racist led PAKATAN HANCING only for c h i n e s e master party....a party with full of hatred & lies...winning the votes & power with slanders , mocking the people & more lies..a true enemy to our Malaysia democracy & peaceful multi racial country...

Facebook, 22 Oktober 2022³⁵

Satu lagi contoh siaran atau komen CIB yang mencetuskan rasa tidak puas hati kaum atau agama ialah mengenai Sijil Peperiksaan Bersepadu.

JK · twitter.com · Public · Comment · Nov 18, 2022 21:35
Comment
@bharaniyy Hati2 pengundi semua. utk PRU15 nie DAP punya strategi berdiam diri. langsung tak berbunyi DAP.rafizi dgn anwar jea kedepan.. kita semua kena hati hati. ingtkan pada semua pengundi lain apa DAP/PH dah buat masa 22 bulan hari tue..icerd statuse rome abu chin peng jual asset, UEC dl
Translate ▾

JK · twitter.com · Public · Comment · Nov 18, 2022 21:35
Comment
@bharaniyy Hati2 pengundi semua. utk PRU15 nie DAP punya strategi berdiam diri. langsung tak berbunyi DAP.rafizi dgn anwar jea kedepan.. kita semua kena hati hati. ingtkan pada semua pengundi lain apa DAP/PH dah buat masa 22 bulan hari tue..icerd statuse rome abu chin peng jual asset, UEC dl
Translate ▾

JK · twitter.com · Public · Comment · Nov 18, 2022 21:33
Comment
@guanenglim Hati2 pengundi semua. utk PRU15 nie DAP punya strategi berdiam diri..langsung tak berbunyi DAP.rafizi dgn anwar jea kedepan.. kita semua kena hati hati. ingtkan pada semua pengundi lain apa DAP/PH dah buat masa 22 bulan hari tue..icerd statuse rome abu chin peng jual asset, UEC dl
Translate ▾

JK · twitter.com · Public · Comment · Nov 18, 2022 21:32
Comment
@guanenglim Hati2 pengundi semua. utk PRU15 nie DAP punya strategi berdiam diri..langsung tak berbunyi DAP.rafizi dgn anwar jea kedepan.. kita semua kena hati hati. ingtkan pada semua pengundi lain apa DAP/PH dah buat masa 22 bulan hari tue..icerd statuse rome abu chin peng jual asset, UEC dl
Translate ▾

Twitter, 18 November 2022

user99736264663 · twitter.com · Public · Comment · Nov 25, 2022 15:20
Comment
@RaviG740628 @NgaKorMing @anwaribrahim if u want to see the next chaos and the unstable governemnt then try la ratify icerd lgbt uec all that. even in 2018 malaysia have one of biggest protest in history againts icerd 😊
Translate ▾


Twitter, 25 November 2022

4.3.2 CIB dan tahap parah

Dengan 2,090 hantaran, kebanyakan hantaran CIB berada di Tahap 1. Hantaran ini kebanyakannya tidak bersetuju dan mengandungi bahasa yang tidak menyingsung perasaan. Ini diikuti oleh 507 hantaran Tahap 2 yang menyingsung perasaan dan diskriminasi.

³⁵ Hantaran pertama merupakan komen yang ditemui di bawah hantaran Facebook Berita Harian Online mengenai Anwar bertanding di Tambun. Komen ini dianggap Tahap 3. Catatan kedua adalah ulasan ditemui di bawah hantaran Facebook Malaysiakini mengenai pengundi PKR Perak. Kedua-dua siaran disiarkan oleh akaun CIB sama pada hari sama dengan bahasa sama. Kedua-dua komen ditandakan sebagai Tahap 3.

Carta menunjukkan tahap parah hantaran CIB



Terdapat lebih banyak hantaran Tahap 4 (19), dengan bahasa yang menyeru keganasan dan hasutan, berbanding hantaran Tahap 3 (7) yang mengandungi bahasa tidak berperikemanusiaan atau bermusuhan.

 **Noel Wong**   [twitter.com](#)   Nov 19, 2022 19:03

Comment

@Layang2Layang @AzminAli PAS 🚨 MUNAFIK HIPOKRIT SESAT DAYUS & TAKUT laksana Hudud POTONG tangan, REJAM mati, PANCUNG kepala, SULAH PEMBELOT Negara, PENIPU, PELIWAT, PEROGOL, PEMFITNAH, PEROMPAK /PENJENAYAH yang DAH TERBUKTI BERSALAH

PAS 🚨 TAK berani hukum Anwar , Najib Razak , Rosmah & Penjenayah lain

Facebook, 19 November 2022³⁶

 **No user info**   [facebook.com](#)   Oct 21, 2022 21:35

Commented

Pakatan tidor sebantal mimpi lain2.. kita nanti kan hudud d tegakan mog2 muhiben d rejam dgn batu dan sorang lagi d potong tangan .. Allahuakbar

Facebook, 21 November 2022³⁷

Kami mendapati keterlibatan tertinggi antara CIB dan ahli politik apabila ianya melibatkan agama. Pemantauan juga menemukan beberapa akaun CIB berinteraksi antara satu sama lain. Mereka juga menandakan ahli politik dan menyebut parti politik. Bilangan hantaran CIB yang kecil tetapi ketara mengenai isu yang kami pantau menunjukkan bahawa tidak banyak aktiviti CIB diperlukan untuk mencetuskan perbincangan atau menyebarkan mesej kebencian dalam talian mengenai isu-isu ini. Kami membuat kesimpulan bahawa tidak perlu berusaha banyak untuk buatkan warganet berkongsi atau membuat hantaran naratif kebencian mengenai isu ini.

4.4 Analisis platform media sosial

Sebahagian besar hantaran adalah di Facebook (63,643), diikuti Twitter (34,782), TikTok (993) dan YouTube (145) (rujuk Jadual 22).

Kami berdepan cabaran dalam pengikisan data secara automatik di TikTok kerana akses terhad kepada APInya. Bagi memperkayakan analisis, set data TikTok telah ditambah dengan

³⁶ Komen yang dihantar di bawah ciapan Azmin tentang memenangi pilihan raya. Komen ini telah dikategorikan sebagai Tahap 4.

³⁷ Komen dihantar di hantaran Facebook Hadi mengenai Himpunan Penyatuan Ummah. Komen ini telah dikategorikan sebagai Tahap 4.

mengikis manual. Keputusan ini terbukti berguna apabila TikTok muncul sebagai platform utama untuk video kebencian pada hari selepas pilihan raya.

Kami tidak dapat memberikan pecahan kuantitatif data untuk TikTok seperti yang kami lakukan untuk platform lain kerana pengikisan manual. Oleh itu, bagi menyelaraskan analisis dengan objektif projek ini, kami memberikan tumpuan pada hantaran TikTok yang ditandakan pada Tahap 3 dan 4 sahaja. Dalam bahagian berikut, hantaran TikTok yang dikumpulkan daripada pengikisan automatik akan dilabelkan sedemikian untuk membezakannya dengan hantaran yang diperoleh daripada pengikisan manual.

Jadual 20: Platform dan Hantaran

PLATFORM	HANTARAN
Facebook	63,643
TikTok (pengikisan automatik)	993
Twitter	34,782
YouTube	145
Jumlah	99,563

4.4.1 Pelaku

Bagi setiap kategori pelaku yang dipantau, terdapat lebih banyak hantaran di Facebook berbanding platform media sosial lain. Ini diikuti oleh Twitter, TikTok dan YouTube.

Syed Saddiq merupakan pelaku yang mempunyai penglibatan tertinggi di TikTok, diikuti Rafizi. Lim, walaupun untuk hantarannya sendiri yang tidak menyerang sesiapa, mempunyai komen paling negatif, dengan kata-kata seperti “komunis” dan “pendatang” yang dilemparkan kepadanya. Kandungan TikTok dihasilkan untuk Hadi, yang mempunyai hampir 170,000 pengikut dan 1.2 juta suka, tidak banyak muncul pada sistem automatik mahupun halaman For You pemantau (untuk mengikis manual), walaupun popular.

Jadual 21: Kategori Pelakon dan Platform

KATEGORI PELAKU	PLATFORM				
	Facebook	TikTok (pengikisan automatik)	Twitter	YouTube	Jumlah
Ahli Politik	39,000	794	25,306	74	65,174
Parti Politik	22,970	206	15,714	57	35,947
Media	21,454	0	7,542	125	29,121
KOL	4,902	152	2,098	6	7,158
Agensi Kerajaan	3,001	62	1,533	6	4,602
Jumlah	91,327	1,214	52,193	268	145,002

4.4.2 Isu

Bagi semua isu yang kami pantau, kira-kira dua pertiga daripada jumlah hantaran adalah di Facebook, diikuti Twitter, TikTok dan YouTube (rujuk Jadual 22).

Video 13 Mei yang disiarkan di TikTok menjelang penghujung 19 November meruncing selepas 24 November. Seperti dijelaskan di atas, beberapa video dilabelkan sebagai “perkongsian berbayar”, menunjukkan bahawa mereka telah ditugaskan. Sementara yang lain mempunyai tanda pagar #ditaja, walaupun ini tidak semestinya bukti penajaan.

Isu LGBTIQ kebanyakannya dibangkitkan oleh Firdaus, yang jarang bercakap tentang politik di TikTok. Dengan umur minimum mengundi diturunkan kepada 18 tahun, TikTok mungkin merupakan platform yang sempurna untuk mendekati pengundi muda yang membentuk sebahagian besar pengguna TikTok.

Jadual 22: Isu dan Platform

ISU	PLATFORM				
	Facebook	TikTok (pengikisan automatik)	Twitter	YouTube	Jumlah
Jantina dan LGBTIQ	5,038	121	2,427	10	7,596
Kaum	42,733	468	23,686	46	66,933
Warga Asing	2,969	73	770	7	3,819
Agama	15,284	445	8,710	45	24,484
Institusi Diraja	10,078	81	4,113	48	14,320
Jumlah	76,102	1,188	39,706	156	117,152

4.4.3 Keparahan

Sebahagian besar hantaran pada semua platform berada di Tahap 1 (81,763) dan Tahap 2 (17,656). Terdapat 105 hantaran Tahap 3 (84 di Facebook dan 21 di Twitter), dan 39 hantaran Tahap 4 (36 di Facebook dan tiga di Twitter) (rujuk Jadual 23).

Sumber ucapan benci di TikTok ditemui melalui pengikisan manual. Terdapat 35 hantaran Tahap 3 dan empat hantaran Tahap 4 (rujuk Jadual 24). Pelaku yang bertanggungjawab untuk hantaran ini ialah KOL seperti Firdaus, Syahir Norhisham, dan Superman Hew (yang dikaitkan dengan DAP), dan ahli politik Sanusi. Sumber lain termasuk media Harakah Daily, dan remaja tua di TikTok yang menggesa penonton menyokong PN, dan menolak DAP.

Naratif paling menonjol di TikTok dari pengikisan manual kami ialah memomokkan DAP. Ini dilakukan melalui hasutan kaum dengan video 13 Mei. Ia juga dilakukan dengan menjana sentimen anti-DAP dan antikomunis, melabel penyokong PH sebagai anti-Melayu, dan menegaskan pandangan nasionalis pro-Melayu, termasuk menggelar orang bukan Melayu sebagai “pendatang”. Komen pada video ini menyeru orang Melayu untuk “bangkit” dan melawan mereka yang tidak menyokong agenda Melayu. Golongan dewasa muda dan remaja menjadi penguat ucapan kebencian ini di TikTok. Dalam video yang disiarkan selepas hari pilihan raya, segelintir pengguna TikTok menayangkan senjata dan menyeru orang Melayu lain untuk menentang orang bukan Melayu yang mereka gambarkan sebagai tidak setia kepada Malaysia.

Jadual 23: Keparahan dan Platform

TAHAP PARAH	PLATFORM				
	Facebook	TikTok (pengikisan automatik)	Twitter	YouTube	Total
Tahap 1	53,037	776	27,814	136	81,763
Tahap 2	10,486	217	6,944	9	17,656
Tahap 3	84	0	21	0	105
Tahap 4	36	0	3	0	39
Jumlah	63,643	993	34,782	145	99,563

Jadual 24: Keparahan dan TikTok (mengikis manual)

TAHAP PARAH UNTUK TIKTOK (pengikisan manual)	HANTARAN
Tahap 3	35
Tahap 4	4
Jumlah	39

PEMANTAUAN MEDIA SOSIAL PADA PILIHAN RAYA UMUM MALAYSIA KE-15



5 | CADANGAN

5. CADANGAN

Berikut cadangan pasukan projek kepada pelbagai pihak berkepentingan.

1. Negara

a) Wujudkan Suruhanjaya Bebas pelbagai pihak bagi menangani peningkatan naratif bahaya dan ucapan benci. Suruhanjaya Bebas perlu ditugaskan untuk:

- Mengkaji punca dan penyebar naratif bahaya dan ucapan benci, terutamanya yang berkait kaum dan agama;
- Berunding dengan pertubuhan masyarakat sivil untuk lebih mendalam sifat ucapan benci dan kemungkinan bahayanya selain bagaimana caranya untuk bertindak balas dengan ucapan benci; dan
- Membangunkan tindakan dan cadangan konkret, merentasi pelaku dan platform, serta selaras dengan piawaian antarabangsa, khususnya Pelan Tindakan Rabat.

b) Memulakan program celik media dan digital yang lebih komprehensif bagi mendidik pelajar dan orang ramai tentang bahayanya ucapan benci selain menggalakkan kesaksamaan, menolak diskriminasi, menerima kepelbagaian dan keterangkuman.

c) Pembuat dasar perlu pastikan sebarang langkah diambil untuk menentang ucapan benci tidak menjaskankan kebebasan bersuara dan kebebasan untuk meluahkan pendapat. Sebarang sekatan terhadap kebebasan bersuara dan berpendapat perlu mematuhi piawaian kesahihan, keperluan dan perkadaran hak asasi manusia antarabangsa.

2. Ahli/Parti Politik

a) Proses ini memerlukan peranan penting ahli politik, juga tokoh masyarakat yang lain. Ahli politik perlu ada tanggungjawab politik dan etika bagi mengelakkan diri daripada menggunakan ucapan benci dan bahasa yang mengaibkan, serta dengan segera dan terang-terangan mengutuk penggunaannya.

b) Ahli dan parti politik hendaklah membangun dan menerima pakai alat kawal selia kendiri seperti garis panduan atau dasar yang amat berkesan dan lebih berkemungkinan dihormati kerana sifatnya.

3. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)

a) Mengguna pakai garis panduan yang jelas bagi menghalang dan memastikan parti politik dan calon tidak menggunakan ucapan benci semasa kempen selain mengenakan penalti yang bersesuaian dengan tindakan tersebut.

b) Sehubungan itu, Seksyen 4A (1) dan Seksyen 9 Akta Kesalahan Pilihan Raya perlu dipinda supaya secara khusus menekankan tentang ucapan benci semasa pilihan raya.

4. Platform media sosial

a) Pastikan piawaian dan amalan komunitinya berpaksikan hak asasi manusia dan kebertanggungjawapan korporat selaras dengan Prinsip Panduan Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu serta piawaian hak asasi manusia antarabangsa yang lain.

- b) Kerahkan sumber dalam pengesanan dan tindak balas yang tepat pada masanya tentang aduan pengguna berkait dengan permintaan untuk mengalih keluar mesej berbahaya pada platform mereka. Syarikat seperti Meta, TikTok, Twitter dan Google boleh memilih untuk mengalihkan sumber tambahan kepada penyederhanaan kandungan semasa tempoh penting seperti pilihan raya.
- c) Penyederhanaan automatik dan oleh manusia mesti tersedia dalam pelbagai bahasa dan dapat mengontekskaan serta menurunkan ucapan benci secara algoritma agar ia tidak menjadi ganas sebelum dialih keluar. Syarikat media sosial perlu melaksanakan penilaian kesan hak asasi manusia terhadap sistem kecerdasan buatannya (AI) yang sedia ada.
- d) Bekerjasama dengan masyarakat sivil, penyelidik dan pertubuhan profesional dalam usaha untuk menentang kebencian, ekstremisme, maklumat salah dan palsu. Laporan ketelusan harus merangkumi data mengenai semua penyederhanaan kandungan dan pengalihan keluar yang berkaitan dengan ucapan benci, termasuk yang dialih keluar atas permintaan kerajaan.
- e) Rujuk penyelidik dan CSO dalam membangunkan alat dan pendekatan baharu bagi mengesan dan menentang CIB.

5. Pertubuhan Media

- a) Media perlu berjaga-jaga daripada menyebarkan ucapan benci dan mengelakkan diri daripada memberikan ruang forum atau platform kepada jenis politik yang sedemikian. Teruskan amalan kewartawan yang baik sebagai pembawa standard fakta dan pengawas demokrasi.
- b) Mencabar dan mendedahkan rangka kerja binari (kita lwn. mereka) yang memecahbelahkan dan bersifat diskriminasi; laporan perlu mengutamakan kepada pendedahan dan menentang ucapan benci selain menyediakan jalan bagi menghentikan naratif sebegitu. Media juga perlu memperbanyakkan berita dan program yang menekankan tema “Tolak Ucapan Benci” semasa pilihan raya.
- c) Media juga boleh menekankan dan menyediakan kedudukan balas atau alternatif untuk menentang penyebaran mesej tidak bertanggungjawab atau ungkapan yang boleh mencetuskan keganasan, permusuhan, atau diskriminasi berdasarkan kaum, agama, institusi diraja, jantina, LGBTIQ dan warga asing. Laporkan juga tentang kumpulan atau individu yang kerap menjadi sasaran ucapan benci, dan berikan peluang kepada mereka untuk bersuara dalam usaha mempromosikan pemahaman lebih jitu mengenai perspektif dan pengalaman mereka.

6. KOL dan pempengaruh

- a) KOL dan pempengaruh memainkan peranan penting dalam membentuk wacana dan pandangan awam. Penting agar KOL sedar dan mencipta garis antara kebebasan bersuara yang sah dan ucapan benci.
- b) KOL dan pempengaruh juga perlu proaktif dalam mengutuk ucapan benci dan bahaya.

7. Pengguna media sosial

- a) Perlu lebih arif apabila terlibat dengan kandungan dalam talian. Pihak berkepentingan seperti kerajaan dan platform media sosial memainkan peranan besar dalam membina

ekosistem maklumat dalam talian yang sihat. Namun pengguna individu masih perlu memainkan peranan mereka. Sebagai contoh, jika pengguna tidak pasti tentang sebarang maklumat pada platform media sosial, mereka tidak sepatutnya kongsikan. Mereka boleh abaikan atau biarkan UGC mempersoalkan ketulenan kandungan atau menggesa orang lain menggunakan laman penyemak fakta. Pengguna juga boleh mencari sumber berita yang boleh dipercayai untuk mempengaruhi algoritma platform, yang seterusnya menentukan perkara yang dipaparkan pada suapan media sosial mereka.

b) Jika mereka atau seseorang yang mereka kenali diancam dengan bahaya atau keganasan atau tertakluk kepada doxing, laporkannya kepada platform media sosial. Walaupun sasarannya adalah orang yang tidak dikenali, minta penyelia kandungan mengalih keluar sebarang kandungan yang memerlukan keganasan terhadap individu lain atau sekumpulan orang. Jadikan platform bertanggungjawab dengan garis panduan komuniti mereka sendiri.

8. Masyarakat Sivil

a) Memperjuangkan peraturan sukarela dalam industri, berpandukan piawaian etika dan mekanisme yang bebas, telus, dan dikawal sendiri yang terbuka kepada penglibatan dengan pihak berkepentingan serta bertanggungjawab kepada orang ramai. Di sesetengah negara, terdapat usaha untuk menjadikan platform media sosial bertanggungjawab atas kemudaratian yang disebabkan oleh penguatan algoritma.

b) Gunakan rangka kerja ucapan benci yang dimulakan oleh projek ini. Terdapat keperluan untuk mengukuhkan rangka kerja pemantauan yang diterima pakai oleh projek ini, khususnya ambang parah dan pelaksanaannya. Dengan konsisten, akan wujud pemahaman lebih besar yang akan memaklumkan bagaimana ambang ditakrifkan dan digunakan sebagai garis dasar untuk kajian pada masa depan.

c) Membantu dalam pembangunan alat AI untuk pemantauan sosial/politik. Setelah melalui proses mengenal pasti perkara yang diperlukan untuk jenis kajian ini, pasukan projek menyeri CSO dan ahli akademik untuk bekerjasama dengan pembangun alatan seperti AI bagi membolehkan penyelidikan serupa pada masa depan. Alat ini boleh dilatih, membolehkan ia mengenal pasti isu berkaitan dan kandungan bernuansa. Ia juga boleh dibuat lebih mesra pengguna dan boleh diakses untuk isu pemantauan, bukan sekadar untuk penyelidikan pasaran semata-mata.

d) Kaji kesan ucapan benci. Ini memerlukan wawancara secara bersemuka, serta melihat fenomena dari semasa ke semasa untuk mengenal pasti kesan serta-merta dan jangka panjang, termasuk kesan ucapan benci terhadap politik, sosial dan ekonomi. Kajian kualitatif ini dapat meneroka punca dan mempertimbangkan faktor seperti kelas, bangsa, jantina, geografi dan tahap pendidikan sekali gus memberi gambaran dan pemahaman yang lebih jitu tentang pelaku kebencian, penguat dan reaksi orang serta cara mereka mentafsir ucapan benci

LAMPIRAN I: SENARAI AKAUN

MEDIA

1. BERITA HARIAN ONLINE
2. SINAR HARIAN ONLINE
3. ASTRO AWANI ONLINE
4. SIN CHEW DAILY
5. UTUSAN MALAYSIA ONLINE
6. MALAYSIAKINI
7. ORIENTAL DAILY
8. THE STAR ONLINE
9. HARAKAH
10. NST ONLINE
11. BERNAMA.COM
12. BORNEO POST
13. BFM89.9
14. DAYAK DAILY
15. ROCKET
16. THE MERDEKA TIMES

PARTI POLITIK

1. DEMOCRATIC ACTION PARTY (DAP)
2. PARTI ISLAM SE-MALAYSIA (PAS)
3. UNITED MALAY NATIONAL ORGANISATION (UMNO)
4. PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (BERSATU)
5. MALAYSIAN CHINESE ASSOCIATION (MCA)
6. PARTI AMANAH NEGARA (AMANAH)
7. PARTI KEDILIAN RAKYAT (PKR)
8. PARTI WARISAN SABAH (WARISAN)
9. PARTI PEJUANG TANAH AIR (PEJUANG)
10. MALAYSIAN UNITED DEMOCRATIC ALLIANCE (MUDA)
11. GABUNGAN PARTI SARAWAK (GPS)
12. GABUNGAN RAKYAT SABAH (GRS)
13. BERJASA

AHLI POLITIK

- AMANAH – DATUK SERI HAJI MOHAMAD SABU
- BERSATU – TAN SRI DATO' MUHYIDDIN @ MAHIADDIN YASIN
- BERSATU – DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI
- BERSATU – DATUK SERI RINA HARUN
- BERSATU – DATUK SERI PANGLIMA HAJI MASIDI MANJUN
- DAP - LIM GUAN ENG
- DAP - HANNAH YEOH
- DAP - TERESA KOK
- DAP - ANTHONY LOKE
- DAP - DR P. RAMASAMY
- GPS – DATO' SRI NANCY SHUKRI
- MCA – DATUK SERI WEE KA SIONG
- MUDA - SYED SADDIQ SYED ABDUL RAHMAN
- MUDA - AMIRA AISYA ABD AZIZ
- MUDA - DR THANUSSHA FRANCIS XAVIER
- MUDA – DR MATHEN NAIR
- MUDA – LIM WEI JIET
- PAS – TAN SRI DATO' SERI TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG
- PAS – DATO SERI TAKIYUDDIN HAJI HASSAN
- PAS – DATO' SERI MUHAMMAD SANUSI MD NOR
- PBM – DATUK ZURAIDA KAMARUDDIN
- PEJUANG – TUN DR MAHATHIR MOHAMAD
- PKR – DATO' SERI ANWAR IBRAHIM
- PKR - NURUL IZZAH ANWAR
- PKR – MOHD RAFIZI RAMLI
- PKR – DR MASZLEE MALIK
- PKR – DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL
- UMNO – DATO' SRI MOHAMMAD NAJIB TUN HAJI ABDUL RAZAK
- UMNO – DATO' SERI DR AHMAD ZAHID HAMIDI
- UMNO - KHAIRY JAMALUDDIN ABU BAKAR
- UMNO – DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
- UMNO – DATUK SERI BUNG MOKHTAR RADIN
- UMNO – DATUK SERI HJ AHMAD MASLAN

UMNO – DATUK SERI ABDUL AZEEZ ABDUL RAHIM
WARISAN – DATUK SERI PANGLIMA MOHD SHAFIE APPDAL
UMNO – DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB
MIC – TAN SRI S. VIGNESWARAN
MIC – DATUK SERI M. SARAVANAN
UMNO – DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD HASAN
GPS – DATO WEE HONG SENG
GPS - LUKANISMEN AWANG SAUNI
GPS – DATO' SRI FADILLAH YUSOF
GPS – DATO GERALD RENTAP JABU
DAP – DR KELVIN YII
DAP - CHONG CHIENG JEN
DAP - VIOLET YONG
GPS - DR SIM KUI HIAN
DAP – GOBIND SINGH DEO
DAP - YOUNG SYEFURA OTHMAN

PEMIMPIN PENDAPAT UTAMA

1. HRH CROWN PRINCE OF JOHOR
2. MUHAMMAD ZAMRI VINO TH KALIMUTHU
3. FIRDAUS WONG WAI HUNG
4. GERAKAN PENGUNDI SEDAR
5. FRIENDS OF IMMIGRATION
6. IKATAN MUSLIMIN MALAYSIA (ISMA) PRESIDENT AMINUDDIN YAHAYA
7. PERTUBUHAN-PERTUBUHAN PEMBELA ISLAM
8. AKADEMI DR HAR (DR HARLINA HALIZAH SIRAJ)
9. DR RAFIDAH HANIM MOKHTAR
10. CENTRE FOR HUMAN RIGHTS RESEARCH AND ADVOCACY (CENTHRA)
11. NURULHIDAYAH AHMAD ZAHID
12. NAMEWEE
13. NUMAN AFIFI
14. NUR FATHIAH SYAZWANA SHAHARUDDIN (CLEOPATRA)
15. SISTERS IN ISLAM
16. JUSTICE FOR SISTERS

AGENSI KERAJAAN

- 1. POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)**
- 2. JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) OR DEPARTMENT OF ISLAMIC DEVELOPMENT MALAYSIA**
- 3. IMMIGRATION DEPARTMENT OF MALAYSIA**



CENTRE FOR
INDEPENDENT
JOURNALISM



Advocating Media Freedom and Access to Information